



mengkomersialkan

teknologi terkehadapan

laporan tahunan 2008



Di MIMOS, kluster teknologi kami adalah cerminan tumpuan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) kami – teknologi terkehadapan. Inilah jati diri kami. Sebagai pusat penyelidikan gunaan terulung, MIMOS tekun dalam memacu teknologi yang berpotensi memberi manfaat kepada industri watan negara. Fokus kami adalah kepada teknologi yang didorong pasaran iaitu dalam bidang-bidang seperti Keselamatan Maklumat, Pengkomputeran Grid, Komunikasi Wayarles, Mikrosistem dan MEMS (sistem mekanikal mikroelektro), Informatik Lanjutan dan Teknologi Pengetahuan.

Laporan Tahunan 2008 ini menyorot bidang-bidang penyelidikan MIMOS. Kluster teknologi kami telah membawaikan kemajuan yang signifikan dalam membina platform teknologi yang boleh dikomersialkan. Laporan Tahunan ini meraikan semangat dan iltizam kami dalam membantu menyemarakkan perniagaan tempatan menerusi penyelesaian teknologi yang kami bangunkan.

KANDUNGAN

- Visi dan Misi Kami	4
- Nilai Teras Kepimpinan SATRIA1	5
- Maklumat Korporat	6
- Struktur Organisasi	7
- Kluster Teknologi MIMOS	8
- Struktur Korporat	10
- Lembaga Pengarah	12
- Pasukan Kepimpinan Kanan	14
- Kata-kata Aluan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi	16
- Perutusan Pengerusi	17
- Mukadimah Presiden dan CEO	18
- Menunaikan Iltizam	20
- Pemindahan Teknologi	21
- Memperkuuh Kolaborasi	23
- Universiti	23
- Industri	24
- Meningkatkan Harta Intelek Pendedahan dan Paten yang telah Difailkan	24
- Persidangan Pengkomputeran Grid	24
- Pengurusan Sumber Manusia	25
- Meningkatkan Kemampuan dan Keupayaan	26
- Tanggungjawab Sosial Korporat	26
- Imbasan Peristiwa	28
- MIMOS dalam Berita	37
- Laporan Kewangan	40

VISI

VISI

Untuk menjadi pusat penyelidikan gunaan terunggul dalam teknologi terkehadapan



MISI

MISI

Untuk merintis penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang inovatif dalam mengembangkan industri watan yang berdaya saing di peringkat global

NILAI TERAS KEPIMPINAN SATRIA1

1. Integriti Tanpa Kompromi

Bertindak mengikut penilaian moral standard yang sejajar dengan kod etika MIMOS.

2. Visi Kepimpinan Teknologi

Menunjukkan kesungguhan untuk memperoleh pengetahuan teknikal yang perlu, kemahiran dan kompetensi untuk mencapai hasil terbaik dan memberi khidmat pelanggan secara efektif.

3. Perkongsian Visi Sesama Anggota Pasukan

Menunjukkan kefahaman tentang hubung kait antara tanggungjawab kerja individu dengan matlamat dan keperluan keseluruhan organisasi, dan melaksanakan tugas dengan memikirkan matlamat yang lebih luas.

4. Kesempurnaan dalam Pelaksanaan Komitmen

Mengamalkan, mengekalkan dan meningkatkan pengetahuan atau kemahiran khusus secara meluas dan mendalam untuk mencapai hasil atau melayani pelanggan secara efektif. Menunjukkan keprihatinan untuk memenuhi keperluan pelanggan dalaman dan luaran dengan memenuhi kepuasan pelanggan melalui sumber sedia ada.

5. Kecemerlangan dalam Prestasi

Menghasilkan keputusan atau perkhidmatan berkualiti yang melangkaui standard organisasi.

6. Budaya Inovasi, Kreativiti dan Produktiviti

Mudah menyesuaikan diri terhadap perubahan, menilai kedudukan dan strategi berlainan mengikut maklumat baru atau perubahan situasi.

7. Hidup dalam Semangat Berpasukan

Berupaya meningkatkan kerjasama dan kolaborasi ke arah mencari penyelesaian yang memanfaatkan semua pihak terlibat.

8. Keber tanggungjawaban Terhadap Semua Tindakan

Membuat keputusan secara berwibawa dan bijak, selepas mempertimbangkan pelbagai alternatif. Bertanggungjawab terhadap semua keputusan dan tindakan.

SATRIA MEMPUNYAI LAPAN NILAI PELAKSANAAN IAITU:

SATRIA 1: Nilai Teras Kepimpinan

SATRIA 2: Tumpuan Kepada Penyelidikan Gunaan

SATRIA 3: Hala Tuju Teknologi Termaju

SATRIA 4: Pembangunan Portfolio Teknologi

SATRIA 5: Tumpuan Pasaran

SATRIA 6: Rakan Kongsi Pintar

SATRIA 7: Mengkal Pertumbuhan

SATRIA 8: Peraturan Dalam Berurusan



MAKLUMAT KORPORAT



Nama Syarikat : MIMOS Berhad
Nombor Syarikat : 336183-H
Tarikh dan tempat ditubuhkan: 16 Mac 1995, Malaysia

Setiausaha:

1. Lee Kwai Siong
2. Lim Chiew Sim

Pejabat Berdaftar:

Taman Teknologi Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sg. Besi
Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
Tel: 603-8995 5102
Fax: 603-8991 4358

Ibu pejabat: Taman Teknologi Malaysia
Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
Tel: 603-8995 5000
Faks: 603-8996 2755

Pejabat Cawangan:
MIMOS Berhad
Lot 2/3, Fasa 1
Taman Hi-Tech Kulim
09000 Kulim
Kedah Darul Aman
Tel: 604-427 3000
Faks: 604-403 3815

Juruaudit:
Ernst & Young (AF 0039)


Profil Syarikat

Diperbadankan pada 16 Mac 1995, MIMOS adalah agensi strategik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.

MIMOS menjalankan penerokaan dan penyelidikan gunaan yang didorong industri menerusi perkongsian pintar dengan pelbagai peringkat khalayak seperti institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, agensi kerajaan dan industri, dengan tumpuan kepada teknologi terkehadapan.

MIMOS memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang didorong pasaran untuk memastikan teknologi yang diinovasikan dapat dikomersialkan untuk pertumbuhan mampan. MIMOS menumpukan usaha penyelidikan dan pembangunannya enam kluster teknologi iaitu Keselamatan Maklumat, Pengkomputeran Grid, Komunikasi Wayarles, Sistem Mikro dan MEMS (sistem mekanikal mikroelektro), Informatik Lanjutan dan Teknologi Pengetahuan.

STRUKTUR ORGANISASI



KLUSTER TEKNOLOGI MIMOS

MIMOS memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang didorong pasaran untuk memastikan teknologi yang diinovasikan dapat dikomersialkan. Bidang-bidang teknologi yang diberikan tumpuan adalah:



Keselamatan Maklumat

Wawasan Kluster Keselamatan Maklumat MIMOS ialah untuk menyediakan infrastruktur maklumat berkeselamatan tinggi yang mampu melindungi ruang siber Malaysia sekali gus memelihara maklumat kritis negara dengan mewujudkan persekitaran pengkomputeran yang selamat dan terjamin.

Apabila maklumat sensitif dan penting dapat diproses dengan penuh kerahsiaan, kewibawaan dalam semua urusan dan transaksi kerajaan serta perniagaan dapat dikekalkan. Kluster ini menyediakan platform ke arah mewujudkan tahap keselamatan tertinggi dalam komunikasi dan storan maklumat.



Pengkomputeran Grid

Pengkomputeran Grid MIMOS merupakan peneraju KnowledgeGRID Malaysia, satu inisiatif pengkomputeran grid kebangsaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Inisiatif ini dijalankan dengan kerjasama rapat institusi pengajian tinggi tempatan, institusi R&D dan industri dengan matlamat untuk menyediakan capaian pengkomputeran yang selamat, boleh diharap dan menyeluruh untuk orang ramai pada semua peringkat masyarakat tanpa perbelanjaan yang besar.



Pengkomputeran Grid MIMOS komited untuk memastikan grid ini bakal menjadi prasarana ilmu utama negara – yang bakal memaksimumkan sumber pengkomputeran berprestasi tinggi bagi mempercepat penyelidikan dan pembangunan industri ke arah nilai tambah dan kemakmuran negara. Pengkomputeran Grid MIMOS bertujuan merubah keupayaan pengkomputeran dan ICT menjadi utiliti keperluan negara pada masa depan.

Teknologi Pengetahuan

Misi Kluster Teknologi Pengetahuan MIMOS ialah untuk mempercepat pembangunan algoritma baru dan komponen berkaitan penyarian (*extraction*), perwakilan (*representation*) dan taakulan (*reasoning*) pengetahuan; pemprosesan bahasa tabii, visualisasi semantik dan *multi-agent* melalui usaha sama dengan institusi penyelidikan ternama, syarikat teknologi bertaraf dunia dan universiti.

Penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan akan mendukung pusat teknologi gunaan dan lanjutan yang lain di MIMOS dalam pelbagai inisiatif teknologi mereka. MIMOS kini memfokuskan penyelidikannya kepada teknologi semantic 3.0.

Komunikasi Wayarles

Komunikasi wayarles memungkinkan perhubungan dengan sesiapa sahaja di serata dunia pada bila-bila masa dari mana-mana sekalipun. Dalam pada itu, teknologi baru jalur lebar menjanjikan kelebihan kelebaran matriks jalur tinggi di mana-mana lokasi.

Rangkaian wayarles berkelajuan tinggi yang dibina dengan pelbagai teknologi asas menggunakan peranti bertumpu bakal merubah landskap jalur lebar negara. Paradigma baru komunikasi akan memungkinkan penyampaian khidmat interaktif meliputi suara, video dan data pada mutu yang paling tinggi. Cabaran bagi kita adalah untuk mempercepat penerimaan paradigma baru ini untuk kebaikan negara.



Informatik Lanjutan

Pusat Informatik Lanjutan MIMOS bertanggungjawab dalam penyelidikan dan pembangunan teknik berinovasi berkaitan pemprosesan dan perwakilan maklumat bagi masalah amali yang berpotensi untuk dikomersialkan. Pusat ini menyasarkan untuk berada di barisan hadapan industri dalam analisis pola dan pengenalan pola memandangkan bidang-bidang ini berkait dengan pembelajaran mesin, kecerdasan mesin dan pengoptimuman pelbagai kekangan.




Pusat ini membangunkan penyelesaian setempat, berkesan kos dan teguh dalam analisis pola dan pengenalan pola yang boleh digunakan di pelbagai domain termasuk pengawasan dan biometri. Pembangunan penyelesaian pengimejan pintar akan membantu memperluas keupayaan pengawalan keselamatan fizikal dengan mengurangkan kekerapan kesilapan manusia.

Mikrosistem/MEMS

Kluster Sistem Mikrosistem & MEMS MIMOS berusaha untuk menjadi peneraju dunia dalam Teknologi MEMS (sistem mekanikal mikroelektro) dalam pembangunan platform sensor berinovasi yang bakal memberikan impak menyeluruh kepada ekonomi dan masyarakat. Kluster ini meliputi bidang-bidang seperti rekabentuk mikro-penderiaan, elektronik antara muka pintar, kebolehsambungan wayarles, pembungkusan termaju dan kejuruteraan tanah untuk membekalkan platform penyelesaian. Salah satu inisiatif utama dalam kluster ini adalah pembangunan platform mikro-penderiaan yang boleh digunakan untuk pengawasan alam sekitar dalam aktiviti pertanian tepat.



STRUKTUR KORPORAT



MIMOS Berhad

(No Syarikat: 336183-H)

Tarikh ditubuhkan: 16/03/1995

Jenis perniagaan: Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, (ICT), mikroelektronik dan semikonduktor.

Status: Aktif

Digicert Sdn Bhd


(No Syarikat: 457608-K)

Tarikh ditubuhkan: 21/02/1998

Jumlah saham: 45%

Jenis perniagaan: Pihak berkuasa pensijilan berlesen.

Status: Aktif



OICNetworks Sdn Bhd
(No Syarikat: 512128-P)
Tarikh ditubuhkan: 21/04/2000
Jumlah saham: 49%
Status: Dorman

Malaysia Microelectronic Solutions Sdn Bhd
(No Syarikat: 512608-U)
Tarikh ditubuhkan: 26/04/2000
Jumlah saham: 54%
Jenis perniagaan: *Rekabentuk litar bersepadu (IC) dan pemasaran produk IC.*
Status: Aktif

Encipta Ltd
(No Syarikat: LL02689)
[Syarikat Luar Pesisir Labuan]
Tarikh ditubuhkan: 08/12/2000
Jumlah saham: 100%
Jenis perniagaan: *Perkhidmatan pengurusan dan pembuatan wafer semikonduktor dan juga perdagangan wafer semikonduktor.*
Status: Aktif

Artisan Encipta Ltd
(No Syarikat: 412464)
[Syarikat dikecualikan, Bermuda]
Tarikh ditubuhkan: 08/01/2002
Jumlah saham: 30%
Jenis perniagaan: *Penyediaan khidmat nasihat pelaburan dan pengurusan modal.*
Status: Aktif

MIMOS Semiconductor (M) Sdn Bhd
(No Syarikat: 498484-V)
Tarikh ditubuhkan: 10/11/1999
Jumlah saham: 100%
Jenis perniagaan: *Perkhidmatan pengurusan dan pembikinan wafer semikonduktor dan juga perdagangan wafer semikonduktor.*
Status: Dorman

LEMBAGA PENGARAH

Mohamad Rashdi bin Mohamad Ghazalli
Pengarah
Sapura Crest Petroleum Berhad

Abdul Rahim bin Abdul Hamid
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas



Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah binti Mohamad Yusoff
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Abdul Wahab bin Abdullah
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Dato' Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad
(Pengarah alternatif kepada Prof. Datin Paduka Dr.
Khatijah binti Mohamad Yusoff)
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datu Dr Hatta bin Solhi
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk John Maluda
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas



Dato' Suriah Abd Rahman
Pengerusi

Gho Peng Seng
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

PASUKAN PEMIMPIN KANAN

Dato' Abdul Wahab Abdullah
Presiden dan Ketua Pegawai
Eksekutif

Abdul Aziz Abdul Kadir
Naib Presiden Kanan
Realisasi dan Operasi Strategi
Teknologi

Thillai Raj T. Ramanathan
Naib Presiden
Pembangunan Perisian dan
Kejuruteraan Pusat
Ketua
Kluster Pengkomputeran Grid



Dr Chandran Elamvazuthi
Pengarah
Perancangan dan Strategi Teknologi

Prof Dr Masuri Othman
Ketua
Kluster Mikrosistem dan MEMS

Mohd Ali Mustafa
Naib Presiden
Pembangunan Produk dan
Integrasi Sistem



Jun Maria Tan Abdullah
Naib Presiden
Sumber Manusia Korporat



Emelia Matrahan
Naib Presiden
Perkhidmatan Korporat



Prof Dr Mohamed Ridza Wahidin
Ketua
Kluster Informatik Lanjutan

Dr Lukose Dickson
Ketua
Kluster Teknologi Pengetahuan

Dr Mazlan Abbas
Ketua
Kluster Komunikasi Wayarless



Mara ke hadapan untuk memenuhi aspirasi nasional

Dari permulaan yang sederhana hampir dua dekad yang lalu, MIMOS telah membuktikan keupayaannya meladeni arus kemajuan dan kini menyerlah sebagai perintis dalam teknologi maklumat dan komunikasi inovatif. Hari ini, MIMOS menjadi kebanggaan negara sebagai pusat penyelidikan gunaan dalam teknologi terkehadapan, yang bakal meningkatkan daya saing negara.

MIMOS terus mara ke hadapan dalam misi mencapai aspirasi negara untuk membina masyarakat berilmu. Dalam mendukung visi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu "Sains, Teknologi dan Inovasi bagi menjana ilmu pengetahuan, mencipta kekayaan dan kesejahteraan masyarakat", MIMOS telah melaksanakan banyak inisiatif.

Untuk menggalakkan penjanaan ilmu, MIMOS kini mengadakan program anugerah harta intelek (IP) dalam di seluruh organisasi. Saya difahamkan program ini begitu bertenaga sehingga MIMOS berjaya menjana satu demi satu IP terutama dalam ICT dan bidang-bidang tumpuannya. Usaha ini harus dicontohi kerana kita bukan sahaja mahukan negara yang kaya dengan sumber asli tetapi juga yang tidak kurang dengan rakyat yang berbakat, berilmu pengetahuan dan kreatif.

Kata bestari lama, ilmu memberikan kuasa. Melalui ilmulah manusia dan negara menjadi makmur. Dalam hal ini, ilmu yang dijana di makmal MIMOS membolehkan penciptaan platform teknologi yang bila dikomersialkan bakal memberikan impak positif ke atas sosioekonomi negara. Saya percaya kita mampu membangunkan platform teknologi kita sendiri, yang setaraf jika tidak lebih baik daripada yang dibangunkan negara luar.

Dalam pada itu, dalam mengejar harta kekayaan, kesejahteraan masyarakat juga tidak harus dilupakan. Saya terharu dengan inisiatif MIMOS merapatkan jurang digital menerusi platform teknologi seperti Jen-ii dan pelbagai program yang memberikan manfaat kepada masyarakat umum termasuk di Sabah dan Sarawak. Ini amat penting kerana kebaikan ICT seharusnya merentasi segenap kelompok masyarakat di Malaysia tak kira siapa dan di mana mereka berada.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada MIMOS di atas sumbangan besar dan hasil kerja cemerlang pada sepanjang tahun lalu. Jika kita bersatu tenaga dengan penuh kegigihan dan keyakinan, saya percaya kita mampu mengharungi cabaran sepanjang 2009 dan tahun-tahun mendatang.

Terima kasih, semoga Tuhan memberkati usaha kita.

Dato' Dr Maximus Johnity Ongkili, JP
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia



Menyemai budaya inovasi

2008 merupakan tahun yang saya akan sentiasa ingati kerana saya ditawarkan untuk menjadi Pengurus MIMOS. Saya amat berbesar hati dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di atas kepercayaan dan keyakinan yang diberikan, apatah lagi kerana MIMOS merupakan organisasi yang memainkan peranan penting dan strategik dalam memacu penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara.

Dalam dunia yang semakin kecil natijah globalisasi, penggunaan ICT secara meluas merupakan suatu yang tidak dapat dielakkan. Dari peranti bergerak seperti telefon bimbit hingga ke komputer peribadi dan Internet, semuanya kini menjadi sebahagian daripada hidup kita. Dalam menyahut keperluan dan cabaran fenomena ini, Kerajaan telah memperuntukkan sumbernya dalam meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai tentang perihal pentingnya ICT. Sehubungan itu MIMOS telah memainkan peranan aktif sebagai penyokong dalam program-program Kerajaan ke arah mencapai hasrat ini, terutamanya di kalangan penduduk di kawasan luar bandar.

Usaha mendekatkan teknologi kepada rakyat merupakan satu proses yang berterusan. Cabaran bagi kita hari ini adalah dalam melahirkan perekra cipta dalam kalangan kita agar kita tidak hanya menjadi masyarakat pengguna teknologi. Justeru, penekanan dan usaha mestilah ditujukan ke arah membangunkan budaya inovasi di kalangan rakyat. Negara akan mendapat faedah besar daripada hasil ciptaan watan yang menjadikan industri lebih berdaya saing.

PERUTUSAN PENGURUSI

Sejak penubuhannya, MIMOS telah menghasilkan banyak inovasi, yang tentunya tidak akan dapat dinikmati manfaatnya jika ia dibiarkan tersimpan di makmal. Maka itu, usaha sama dan interaksi dengan industri, pusat penyelidikan dan universiti adalah amat penting dalam memastikan platform teknologi yang dibangunkan dapat dikomersialkan dalam pelbagai sektor.

Saya percaya MIMOS berkeupayaan menjadi pusat R&D terulung di dunia yang dapat memberikan sumbangan besar ke arah pertumbuhan dan pembangunan negara. Dalam hubungan ini, saya akan pastikan MIMOS sentiasa membantu MOSTI dalam mencapai tiga matlamat utamanya iaitu menjana ilmu, mencipta kekayaan dan memelihara kesejahteraan rakyat.

Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, saya ingin mengucapkan terima kasih dan menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia atas kepercayaan, kepimpinan dan bimbingan yang diberikan. Saya berkeyakinan, dengan tumpuan kepada R&D, MIMOS boleh mara ke hadapan untuk membantu Kerajaan dalam mencapai wawasan untuk membina masyarakat berilmu yang mampu bersaing dalam era globalisasi ini.

Dato' Suriah Abdul Rahman
Penggerusi
MIMOS Berhad



Mengkomersialkan Teknologi Terkehadapan

2008 berlalu sebagai satu lagi tahun bermakna bagi MIMOS. Setiap usaha dan titik peluh kami khususnya dalam bidang-bidang seperti pemindahan dan pengkomersialan teknologi sepanjang dua tahun yang lalu telah mula menampakkan hasil yang memberangsangkan.

Dari perspektif khalayak, usaha kami dalam mempelopori teknologi maklumat dan komunikasi inovatif ke arah mengembangkan teknologi watan yang mampu bersaing di peringkat global, kini telah menunjukkan kemajuan positif. Setakat akhir 2008, kami telah melangkaui komitmen kami dengan membangunkan 21 prototaip teknologi yang boleh terus dibangunkan oleh industri untuk menghasilkan produk dan penyelesaian yang lebih inovatif. Sejajar dengan ini, kami juga telah memeterai perjanjian pemindahan teknologi, dan banyak lagi pemain industri akan merujuk kepada kami untuk mendapatkan lesen dan membangunkan lagi platform teknologi kami.

Sambutan terhadap Skim Anugerah IP kami juga bertambah panas dengan lebih banyak IP dihasilkan. Pada 2008 sahaja, sebanyak 249 IP dihasilkan dan 109 paten difaiklan. Ini melayakkan kakitangan MIMOS, yang memfailkan minimum 10 paten, menerima 12 anugerah Gold Badges.

Satu lagi peristiwa penting pada 2008 ialah penganjuran Persidangan Pengkomputeran Grid (GCC) 2008 yang telah berlangsung dengan jayanya. Persidangan antarabangsa ini telah menarik penyertaan pakar-pakar tempatan dan antarabangsa, pemain industri dan pelajar yang berminat dalam Pengkomputeran Grid. Pada masa yang sama, kami menyertai Kongres Sedunia mengenai IT (WCIT) 2008 di Kuala Lumpur – acara yang diberi jolokan Temasya Olimpik ICT.

MUKADIMAH PRESIDEN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sebagai pusat penyelidikan gunaan terulung di negara ini, penekanan kami dalam R&D tidak harus dipandang ringan. Untuk terus memperkuuh keupayaan R&D, kami telah mewujudkan beberapa Pusat Kecemerlangan (CoE) bersama pihak universiti dan rakan usaha sama. Setakat ini, kami telah mewujudkan CoE di lima universiti iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Universiti Malaysia Sabah (UMS); Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Selain itu kami mempunyai empat lagi CoE bersama rakan industri iaitu Cisco, Microsoft, Agilent Technologies dan SGI. Kesemua CoE ini adalah contoh perkongsian kami bersama institusi pendidikan dan juga industri ke arah kejayaan pembangunan negara.

Menerusi kerjasama dengan kesemua CoE ini, kami percaya kami dapat mencetus sinergi dan mengambil manfaat daripada kelebihan mereka untuk mencapai hasil yang lebih banyak dan lebih baik. Kejayaan tidak membawa erti jika tidak uruskan dengan betul. Kerana itu, kami percaya tumpuan mesti diberikan kepada asset kami yang paling berharga iaitu warga kerja kami. Inisiatif kami dalam pembangunan modal insan termasuklah mengambil lebih ramai tenaga pakar, terutamanya pemegang ijazah kedoktoran (PhD) dan sarjana.

Kami juga menganjurkan satu program bertujuan memperbaiki kemahiran dan pengetahuan warga kerja yang dipanggil Domain Expert Competency (Kecekapan Pakar Domain), yang diharapkan dapat melahirkan pakar-pakar daripada golongan pekerja biasa.

Dari aspek pengurusan, kami terus memperbaiki pembangunan organisasi menurut standard industri. Pada 2008, MIMOS mencapai pematuhan Peringkat 4 Model Kematangan Kemampuan (CMMI) (amalan industri). Pencapaian ini adalah signifikan, khususnya dalam menambah baik strategi, pengurusan dan proses perniagaan kami. Di samping itu, kami berjaya mendapat beberapa lagi pensijilan Six Sigma, bukti iltizam kami dalam menghasilkan hasil kerja cemerlang.

Sebagaimana tahun terdahulu, perjalanan dan usaha kami telah menerima sambutan baik daripada orang ramai dan pihak media. Semakin ramai, di dalam dan di luar negara, yang menunjukkan minat terhadap platform teknologi kami dan menyatakan keinginan untuk menjalin usaha sama.

Melangkah maju ke 2009, kalendar kami bakal menyaksikan lebih banyak peristiwa penting dan pencapaian menarik termasuk lebih banyak jalinan teknologi antarabangsa strategik, penubuhan lebih banyak CoE dan pembangunan serta pengkomersialan lebih banyak platform teknologi ke arah menyemarakkan pembangunan negara. Pada tahun-tahun mendatang, kami akan terus bekerja keras dan meninjau peluang-peluang usaha sama R&D strategik dalam teknologi terkehadapan.

Sekalung terima kasih

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di atas sokongan padu dan bimbingan yang diberikan. Saya juga suka mengumumkan bahawa pencapaian memberangsangkan pada 2008 adalah hasil kerja keras dan dedikasi semua. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Bersama, dengan sokongan semua khalayak pendukung, kami yakin akan dapat mengatasi sebarang cabaran yang menanti pada 2009.

Terima kasih.



Dato' Abdul Wahab Abdullah
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
MIMOS Berhad





2008 merupakan satu lagi tahun penting bagi MIMOS dari segi platform teknologi yang dibangunkan. Komitmen kami adalah untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) seperti yang dibentangkan pada 2006. Pada 2008 kami mencapai jangkaan dengan menghasilkan lapan prototaip komersial, menjadikan 21 kesemuanya jumlah prototaip teknologi yang telah dibangunkan.

Kesemua prototaip teknologi ini dibangunkan di makmal MIMOS. Berikut ialah senarai pembuktian konsep R&D yang dikeluarkan daripada makmal MIMOS:

Kluster Keselamatan Maklumat

- Quantum Random Number Generator • Quantum Key Distribution
- Trusted Computing
- Universal Security Processor / E2E Encryption Prototype

Kluster Komunikasi Wayarles

- Wireless-IPv6 – AAA, Heterogeneous MIPv6 functionality Demo
- Wireless – 6LoWPAN WSN
- Wireless – WiWi Gen 1.5, NeMO, Multicast, Enterprise Gateway
- Wireless – IMS

Kluster Teknologi Pengetahuan

- Pembina Sesawang (*Web Constructor*)
- Pembelajaran Inovatif (*Innovative Learning*)
- Visualisasi Semantik (*Semantic Visualization*)
- Agen Semantik (*Semantic Agent*)
 - Pemahaman Semantik Pelbagai Mod (*Semantic Multimodal Understanding*)
 - Taakulan Semantik (*Semantic Reasoning*)

Kluster Mikro-Nano

- MEMS- Pertanian Tepat

Kluster Pengkomputeran Grid

- Pengkomputeran Grid

MIMOS memamerkan pembuktian konsep platform teknologinya pada Pratonton Teknologi MIMOS (MTP) yang diadakan dua kali pada 2008 iaitu pada Jun dan Disember.

Kedua-dua acara tersebut mendapat perhatian lebih 1,000 orang daripada sektor telekomunikasi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

MTP merupakan wadah MIMOS untuk menarik pemain industri dan penerima teknologi berpotensi, untuk pelesenan dan pengkomersialan teknologi MIMOS. MTP juga merupakan satu langkah pasti ke arah mencapai visi MIMOS untuk menjadi pusat penyelidikan gunaan terulung dalam teknologi terkedahan. Program MTP sejajar dengan fokus MIMOS sebagai peneraju dalam penyelidikan gunaan dalam teknologi terkehodapan serta visi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menjana ilmu, mencipta kekayaan dan kesejahteraan masyarakat.

MENUNAIKAN ILTIZAM



Pemindahan Teknologi


Pengkomersialan teknologi MIMOS adalah perihal pemindahan teknologi inovatif yang dibangunkan oleh makmal MIMOS kepada syarikat-syarikat tempatan. Matlamat utama pemindahan teknologi adalah untuk menggalakkan industri watan menggunakan platform teknologi yang dibangunkan ini untuk membangunkan produk dan penyelesaian secara pantas.

Dalam memindahkan teknologi, MIMOS akan memberi bimbingan kepada penerima teknologi dari aspek integrasi teknologi dan latihan teknikal bagi penghijrahan teknologi.

Untuk memastikan pemindahan teknologi yang berjaya dan berkesan, MIMOS mengenal pasti penerima yang benar-benar layak dan berkeupayaan. Penerima mesti terbukti mempunyai kekuatan dari segi kecekapan teknologi/domain, pengedaran produk, sumber kewangan dan perancangan perniagaan.

Prasyarat ini memastikan penerima mampu dan berupaya membangunkan, memasarkan dan menyediakan khidmat sokongan ke atas produk yang dipindahkan. MIMOS akan menilai kecekapan syarikat untuk memastikan penerima mencapai tahap prestasi yang diperlukan dalam menerima teknologi yang dipindahkan.

Setakat akhir 2008, MIMOS telahpun memeterai 10 memorandum perjanjian (MoA) dalam pemindahan teknologi. Syarikat juga telah menandatangani 13 memorandum persefahaman (MoU) dengan pemain industri bertujuan meneroka peluang membangunkan produk untuk dikomersialkan. Di samping itu, sebanyak 54 lagi permohonan sedang dalam proses penilaian.



Matlamat utama pemindahan teknologi adalah untuk menggalakkan industri watan menggunakan platform teknologi yang dibangunkan anak tempatan.

Proses pemindahan teknologi MIMOS

Pemindahan platform teknologi kepada penerima teknologi dapat membantu menambah baik produk dan perkhidmatan sedia ada, memberikan mereka kelebihan dalam pasaran yang penuh cabaran..

Sepuluh syarikat Penerima Teknologi MIMOS yang telah menandatangani MoA ialah:

- Alam Teknokrat Sdn Bhd (Skali) – menerima Semantic Technology Platform v1
- Biforst Technology Sdn Bhd – menerima Semantic Technology Platform v1
- Bill Adam Associates Sdn Bhd – menerima Semantic Personaliser Gear v1.0
- MutiaraCom Sdn Bhd - menerima Knowledge Exchange (Pertukaran Ilmu) untuk pertanian tepat
- InfoValley Life Sciences Sdn Bhd – menerima Semantic Ontology Visualisation Browser
- In-Fusion Solutions Sdn Bhd – menerima Semantic Advisory and Diagnosis System
- Jaring Communications Sdn Bhd – menerima Grid Computing Versi 2
- CEEDTec Sdn Bhd - menerima WiWi Generation 1.5
- MIMOS Smart Computing Sdn Bhd – menerima Jen-ii, iDola dan WiWi Generation 1.5
- PERNEC Integrated Network Systems Sdn Bhd - menerima WiWi Generation 1.5

Tiga belas calon penerima teknologi dan platform teknologi yang sedang diteroka ialah:

- Quantum Beez Sdn Bhd – Teknologi Semantik
- TISS MSC Sdn Bhd – Keselamatan Maklumat
- CD Solutions Sdn Bhd – Penderiaan MEMS dan Pengkomputeran Grid
- Ofisgate Sdn Bhd – Pusat Kecemerlangan MIMOS
- Innovision Business Solutions (M) Sdn Bhd – Platform MSCAN untuk Perladangan Rumah Hijau dan Aplikasi Akuakultur

- Disability Solutions (M) Sdn Bhd – FASIH – Enjin Teks-Pertuturan Bahasa Melayu
- Phytofolia Sdn Bhd – Penderiaan MEMS untuk Pertanian Tepat
- Astronautic Technology (M) Sdn Bhd – Pertanian Tepat
- Select-TV Solutions Sdn Bhd – Platform Teknologi Pengawasan
- Secure Technology Innovations Sdn Bhd – Keselamatan Maklumat
- Ceope Consulting Sdn Bhd – Platform Teknologi Semantik
- Controller Area Network Solutions (M) Sdn Bhd – Sistem Rangkaian Kawasan Pengawal (Controller Area Network System)
- Cubic Electronics Sdn Bhd – Pengawasan

Memperkuuh Kolaborasi

Dalam mengejar misi untuk menjadi pusat penyelidikan terunggul di Malaysia, MIMOS telah menjalin hubungan dengan pusat pengajian tinggi dan industri untuk menjalankan projek penyelidikan bersama dalam membangunkan platform teknologi. Proses ini tidak sukar kerana fungsi penyelidikan gunaan MIMOS saling melengkapi dengan fungsi universiti dan industri dalam menyokong keperluan R&D watan bagi industri tempatan.

MIMOS bersama rakan-rakan usaha samanya kini mengendali Pusat Kecemerlangan (CoE) yang diiktiraf dunia, dalam mempromosi dan melesenkan teknologi atau harta intelek (IP) kepada syarikat-syarikat ICT tempatan. Ini akan dapat memperkuuh lagi keupayaan penerima teknologi dalam menghadapi saingan di peringkat global, seterusnya melonjakkan industri ICT Malaysia ke aras yang lebih tinggi dalam rantaian nilai.





Universiti

Setakat akhir 2008, MIMOS telah menujuhkan lima CoE di pusat pengajian tinggi bagi tujuan menjalankan penyelidikan bersama. Di kesemua CoE ini, pihak universiti akan menumpu kepada penyelidikan asas dalam bidang kecemerlangan terpilih manakala MIMOS akan memfokus kepada teknologi gunaan.

CoE yang ditubuhkan bersama universiti ialah:

- Pusat Kecemerlangan MIMOS – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam Makmal Keselamatan Ruang Siber
- Pusat Kecemerlangan MIMOS – Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam Agen Semantik
- Pusat Kecemerlangan MIMOS – Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam Teknologi Semantik & Realiti Tambahan (*Semantic Technology & Augmented Reality*)
- Pusat Kecemerlangan MIMOS – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam Teknologi Penderiaan Mikro-Nano; dan
- Pusat Kecemerlangan MIMOS – Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dalam Pengenalan Pola dan Visi Mesin (*Pattern Recognition and Machine Vision*).

Selain itu, MIMOS menjalankan penyelidikan bersama dengan 12 universiti tempatan dan 19 universiti/pusat penyelidikan luar negara. Hasil projek-projek penyelidikan ini nanti akan disalurkan kepada usaha pembangunan industri watan. Kerjasama dengan pihak universiti di dalam dan luar negeri ini dapat memperkuat lagi peranan MIMOS sebagai pusat penyelidikan gunaan teknologi terhadapan yang terulung, sekali gus membuka peluang untuk mengumpul kepakaran dalam pelbagai bidang dan teknologi, dan mengambil manfaat daripadanya.





Industri

Dalam usaha mengembangkan industri watan yang boleh bersaing di peringkat global, adalah penting bagi MIMOS untuk bekerjasama dengan pemain industri. Empat CoE telah diwujudkan untuk membolehkan usahasama penyelidikan dijalankan bersama industri.



CoE tersebut ialah:

- Pusat Kecemerlangan Teknologi Rangkaian Asia (*MIMOS-CISCO Asian Centre of Excellence in Networking Technologies*) (*ACENT*)
- Pusat Kecemerlangan Teknologi Ujian dan Pengukuran (*MIMOS-AGILENT Centre of Excellence in Test and Measurement Technologies*) (*CEMTA*)
- Pusat Kecemerlangan Pengkomputeran Prestasi Tinggi (*MIMOS- Silicon Graphic International (SGI) Centre of Excellence in High Performance Computing*); dan
- Pusat Kecemerlangan Inovasi (*MIMOS-Microsoft Innovation Centre*).

Pendedahan Harta Intelek dan Pemfailan Paten yang Semakin Meningkat

Penekanan terhadap Harta Intelek (IP) adalah penting bagi Malaysia untuk meningkat daripada sekadar menjadi pengguna kepada menjadi pereka cipta teknologi. Menyedari hakikat ini, MIMOS memberi penekanan kepada penjanaan ilmu khususnya penghasilan IP. Ke arah ini, MIMOS menganjurkan Skim Anugerah IP pada 2006 untuk meningkatkan keluaran IPnya.



Sejak skim ini diperkenalkan, MIMOS telah mencatat peningkatan ketara dalam bilangan IP yang dihasilkan. Pada akhir 2008, sebanyak 526 paten telah didedahkan sementara 191 lagi difailkan bagi inovasi dalam ICT mewakili enam kluster teknologi iaitu Pengkomputan Grid, Keselamatan Maklumat, Teknologi Pengetahuan, Komunikasi Wayarles dan Mikrosistem dan MEMS. Daripada jumlah ini, 249 telah didedahkan dan 109 difailkan pada 2008.

Untuk setiap kakitangan MIMOS, Syarikat menyasarkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) paten yang didedahkan yang diterima oleh Jawatankuasa IP setiap tahun. Pengkomersialan sebarang IP akan memberikan royalti kepada penyelidik yang memegang hak paten. Dengan cara ini para penyelidik MIMOS digalakkan untuk menghasilkan IP daripada idea dan inovasi mereka. Selain itu, firma-firma dari seluruh dunia juga digalakkan menyimpan IP mereka di MIMOS. Kesemua langkah ini membuktikan MIMOS kini berada di kedudukan strategik untuk menjadi bank harta intelek ICT negara.

Usaha MIMOS dalam memacu penciptaan IP diharapkan akan menyaksikan ledakan inovasi dan ciptaan dalam teknologi terkehadapan. Rangsangan seperti ini selari dengan hasrat Kerajaan untuk meletakkan Malaysia ke aras yang lebih tinggi dengan inovasi sains dan teknologi.

Persidangan Pengkomputeran Grid

2008 mencatat peristiwa bersejarah apabila Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan Pengkomputeran Grid (GCC) yang pertama pada bulan Mei. Dianjurkan oleh MIMOS, CGG2008 berlangsung selama dua hari di Kuala Lumpur. Persidangan tersebut menggariskan inisiatif Pengkomputeran Grid Nasional dan bagaimana ia boleh meningkatkan industri dan



perusahaan tempatan. Ia juga membincangkan teknologi komputer dan arah aliran pasaran, pengkomputeran grid di Malaysia serta perkembangan pengkomputeran grid di sektor awam dan swasta di Asia, dan bagaimana ia boleh merapatkan jurang digital, meningkatkan produktiviti nasional dan kesejahteraan rakyat di Asia. Dihadiri kira-kira 300 peserta yang rata-ratanya berminat mendalami pengkomputeran grid, majlis itu telah disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Maximus Ongkili.

Antara pakar antarabangsa yang hadir termasuk Presiden Open Grid Forum Dr Craig Lee, Pengarah Teknologi Grid dan Pusat Penyelidikan AIST Jepun, Satoshi Sekiguchi, dan Penyelaras Am D-Grid, Jerman Prof Dr Wolfgang Gentzsch.

Dianjurkan sempena Kongres IT Sedunia (WCIT) Ke-16, CGG2008 dianjurkan dengan kerjasama Hewlett-Packard Malaysia, Cisco Malaysia, Sun Microsystems Malaysia, Altair Engineering, Oracle Corporation Malaysia, Silicon Graphics, Microsoft Malaysia dan Emerson Network Power Malaysia. WCIT merupakan forum ITC berprestij peringkat antarabangsa yang menghimpunkan pemimpin negara, perniagaan dan akademia. Acara tahunan ini meninggalkan impak ke atas pembangunan ekonomi dan sosial dunia menerusi pertukaran dasar dan buah fikiran dalam teknologi; dan sering diberi gelaran Temasya Olimpik ICT.



Pengurusan Sumber Manusia

Untuk mengekalkan kedudukannya sebagai pusat penyelidikan gunaan terulung di Malaysia, adalah penting bagi MIMOS untuk memiliki kakitangan yang terbaik. Kakitangan perlu diperlengkap dan dibangunkan serta diubah daripada sekadar pekerja novis kepada golongan pakar. Penekanan khusus diberikan kepada pembangunan sahsiah diri dari sudut kecekapan, integriti dan inovasi.

Menjelang akhir 2008, kami telah menambah bilangan penyelidik termasuk 24 pemegang ijazah kedoktoran (PhD) dan 4 pemegang ijazah Sarjana (Master's). Kami telah membangunkan polisi perancangan perkhidmatan berterusan untuk mengekalkan kumpulan penyelidik ini di MIMOS. Polisi ini termasuk pewujudan program Kecekapan Pakar Domain (Domain Expert Competency). Program ini

CGG2008 merupakan yang pertama dituan rumahkan Malaysia bersempena WCIT 2008.



menyasarkan untuk mengubah kakitangan daripada tidak cekap kepada berkelayakan, dan akhirnya kepada tahap pakar, secara berperingkat. Setakat akhir 2008, sejumlah 364 kakitangan telah menghadiri 20,010 jam latihan, iaitu purata tujuh hari latihan untuk setiap kakitangan.

Selain itu, satu lagi inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ialah program Latihan Strategik Kemajuan dan Penghargaan MIMOS (MIMOS Strategic Training Advancement and Recognition - M*STAR). Program ini membolehkan semua kakitangan menggunakan pengalaman kerja mereka untuk mendapatkan kredit yang boleh digunakan ke arah mendapatkan ijazah Sarjana dan PhD.

Meningkatkan Kemampuan dan Keupayaan

Pada 2008 MIMOS mencapai Peringkat 4 Model Kematangan Kemampuan (CMMI). Pada mulanya CMMI digunakan sebagai alat untuk menilai secara objektif keupayaan dalam menjalankan projek perisian. Walaupun CMMI lazimnya digunakan untuk pembangunan perisian, ia boleh juga digunakan untuk memahami proses kematangan kemampuan sesebuah organisasi dalam pelbagai bidang, umpamanya kejuruteraan perisian, kejuruteraan sistem, pengurusan projek, penyenggaraan perisian, pengurusan risiko, pembelian sistem, IT dan pengurusan kakitangan.

Kajian menunjukkan sesebuah organisasi yang mempunyai tahap kematangan yang tinggi dapat mencatat penjimatatan kewangan yang ketara, peningkatan kualiti dan produktiviti, penyiapan projek yang lebih cepat dan kurang kekhilafan dalam penyampaian projek. Dengan mencapai Peringkat 4 CMMI, organisasi seperti MIMOS dapat mengurang dengan lebih baik kos dan pengeluaran, sekali gus menjimatkan kos, menambah kualiti kerja dan meningkatkan produktiviti.

Selain itu, kami telah melaksanakan pensijilan Six Sigma untuk menambah baik strategi pengurusan perniagaan kami, dengan matlamat akhirnya untuk mengurangkan kecacatan atau kesilapan kepada tahap kesilapan sifar. Pada 2008, MIMOS mendapat tiga pensijilan Six Sigma Belt, 24 Six Sigma Green Belt dan 419 Six Sigma White Belt.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Sejajar dengan seruan Kerajaan untuk meningkatkan kadar celik IT, MIMOS percaya revolusi ICT perlu menjangkau ke segenap peringkat masyarakat tanpa mengira siapa atau di mana. Kami percaya generasi muda hari ini memegang kunci kesejahteraan negara di masa depan. Justeru, kami memberi pendedahan dan mengajar mereka tentang sains dan teknologi dalam program dan inisiatif celik IT kami.

Dengan sokongan MOSTI, kami melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan, terutamanya di kawasan pedalaman. Bas K-Wheels MIMOS terus menarik kehadiran dan penyertaan orang ramai apabila kami mengunjungi sekolah-sekolah untuk



menyebarluaskan pendidikan ICT. Bas K-Wheels MIMOS berfungsi sebagai unit bergerak kami bagi pameran multimedia dan aktiviti interaktif. Bas ini telah menarik ribuan kanak-kanak dalam banyak pameran yang disertai MIMOS sepanjang 2008 di tempat-tempat seperti Pahang, Terengganu, Perlis dan Kedah.



K-Wheels MIMOS, unit pameran bergerak yang terus menarik perhatian dan menyuburkan minat kanak-kanak seluruh Malaysia kepada sains dan teknologi.



17 Januari



21 Januari



31 Januari



1 Februari



1 Februari



1 Februari



5 Februari



15 Februari

Januari

17 Januari

MIMOS menghadiri perhimpunan MOSTI di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

21 Januari

Kunjungan delegasi King Abdul Aziz City for Science and Technology, Arab Saudi.

22-23 Januari

Seminar MIMOS SOA – The Changing Landscape

31 Januari

Perhimpunan Townhall Suku Pertama di Auditorium Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen.

Februari

1-10 Februari

MIMOS mengambil bahagian dalam Pameran Tamadun Islam di Perkampungan Hadhari Terengganu.

5 Februari

MIMOS memeterai hubungan usahasama dengan Altair Engineering untuk membangunkan dan melaksanakan grid baru yang membolehkan aktiviti dan projek dijalankan bersama dengan lebih pantas.

15-17 Februari

MIMOS mengambil bahagian dalam Pameran Sains dan Teknologi di Baling, Kedah, bertujuan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya sains dan teknologi kepada masyarakat.



15 Februari



25 Februari



4 Mac



4 Mac




5 Mac



6 Mac



11 Mac



11 Mac

25 Februari

MIMOS dan Oracle memeterai Memorandum Perjanjian untuk bekerjasama membangunkan dan melaksanakan projek perintis grid penderiahan bagi sektor pertanian.

28 Februari

MIMOS dan Institut Integrasi Malaysia menganjurkan Konvensyen SATRIA1 di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Mac

4 Mac

Syarahan MIMOS-SGI oleh Dr Lynn Lewis dan Knowledge Sharing Semantic Tech oleh Prof John Sawo.

5 Mac

Lawatan rombongan Felda dan anak-anak syarikatnya untuk mengenali latar belakang MIMOS dan Platform Pertanian Tepat MIMOS.

6 Mac

Lawatan Ketua Pengarah Komunikasi dan Maklumat Afghanistan Amal Marjan.

11 Mac

Pelancaran dua buah Pusat Kecemerlangan dalam teknologi rangkaian dan teknologi ukuran ujian iaitu Cisco's Asian Centre of Excellence in Networking Technologies (ACENT) & Agilent Technologies' Centre of Excellence in Test and Measurement Technologies in Asia (CEMTA).



19 Mac



25 Mac



1 April



4 April



9 April



15 April



20 April



23 April

19 Mac

Lawatan pelajar-pelajar Fakulti IT & Multimedia Universiti Tun Hussein Onn.

25 Mac

Lawatan pelajar-pelajar Institut Kemahiran PERDA-TECH, Pulau Pinang.

April

1 April

Kunjungan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Maximus Ongkili dan timbalannya Fadillah Yusof.

4 April

MIMOS dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menandatangani MoU mengenai Pusat Kecemerlangan Teknologi.

7 April

Perhimpunan Townhall Suku Kedua 2008.

9 April

Lawatan pelajar-pelajar Universiti Teknologi MARA.

15 April

Kunjungan Pengarah Jabatan Negara Afrika Selatan, Isaac Maredi dan delegasinya.

20 April

MIMOS menandatangani MoU dengan Mutiara.com mengenai pemindahan teknologi Pertanian Tepat di Pulau Pinang

23 April

MIMOS menandatangani MoU dengan University of Surrey, United Kingdom, untuk membangunkan teknologi dan penyelesaian mengenai pengawasan video.



24 April



25 April



25 April



29 April



15 Mei



19 Mei



19 Mei



20 Mei

24 April

MIMOS menyertai sambutan Hari Harta Intelek di Kuala Lumpur City Centre. Pada acara ini Makcik PC keluaran MIMOS memenangi tempat ketiga dalam kategori Rekabentuk Industri.

25-26 April

MIMOS mengambil bahagian dalam Pelancaran Air Asas Kesucian di Masjid At-Taqwa, Pekan, Pahang.

29 April

Lawatan pelajar-pelajar Universiti Sains Malaysia.

Mei

15-16 Mei

MIMOS menganjurkan Persidangan Pengkomputeran Grid (GCC2008) di Hotel Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur. Malaysia julung-julung kali menjadi tuan rumah.

19-21 Mei

MIMOS menyertai pameran dan persidangan Kongres Sedunia IT 2008 di Kuala Lumpur City Centre.

19 Mei

MIMOS memeterai MoU dengan Microsoft Malaysia untuk membuka Microsoft Innovation Centre di MIMOS.

20 Mei

Pusat Kecemerlangan Teknologi Semantik MIMOS menandatangani MoU dengan pelbagai rakan usaha sama untuk meningkatkan pembangunan dan memperkuuh pusat tersebut.

22 Mei

Lawatan Pengurus Besar CERT Suruhanjaya Komunikasi dan IT Arau Saudi, Abdul Rahman Alfriah.



22 Mei



23 Mei



6 Jun



9 Jun



17 Jun



26 Jun



3 Julai



8 Julai

23 Mei

Lawatan Ahli-ahli Parlimen Sarawak diketuai Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Tuan Hj Fadillah Yusof.

Jun

6 Jun

Lawatan rombongan dari PT Telekomunikasi Indonesia diketuai Pengurus Besar Eksekutif Muhammad Awaluddin.

9 Jun

MIMOS menandatangani MoU dengan TM R&D di Menara TM untuk merintis jalan bagi jalinan usaha sama yang lebih rapat dalam teknologi termaju.

17 Jun

Lawatan Prof Claudia Tuniz dari Itali.

26 Jun

Lawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Devamany Krishnasamy.

Julai

3 Julai

MIMOS K-Wheels mengambil bahagian dalam Karnival Kaunseling Kerjaya zon Pudu.

7 Julai

Perhimpunan Townhall Suku Ketiga.



14 Julai



19 Julai



19 Julai



19 Julai



28 Julai



1 Ogos



1 Ogos



1 Ogos

8 Julai

Lawatan Pasukan Pengurusan Kanan TM diketuai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM Datuk Zamzamzairani Mohd Isa.

14 Julai

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Maximus Ongkili mengetuai delegasi MOSTI dan MIMOS untuk mempersembahkan iDOLA kepada Yang di-Pertuan Agong di Istana Terengganu.

19 Julai

MIMOS memeterai MoU dengan Institut Teknologi Bandung (ITB), Institut Teknologi Sepuloh Nopember (ITS), Surabaya, dan Universitas Indonesia (UI).

28 Julai

MIMOS menandatangani MoA dengan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) untuk menubuhkan makmal usaha sama bagi pengenalan pola dan visi mesin.

Ogos

1-3 Ogos

MIMOS mengambil bahagian dalam pameran sains dan teknologi sempena Sarawak Regatta.

9 Ogos

Hari Keluarga MIMOS di Sunway Lagoon.

11 Ogos

MIMOS menandatangani MoU dengan Universiti Teknologi MARA dan University of Ruhr Bochum, Germany di Grand BlueWave Hotel, Shah Alam mengenai usaha sama dalam teknologi pengkomputeran yang dipercayai (Trusted Computing Technology).



9 Ogos



11 Ogos



12 Ogos



28 Ogos



5 September



5 September



8 Oktober



9 Oktober

13-22 Ogos

MIMOS mengambil bahagian dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2008.

28 Ogos

MIMOS menandatangani MoU dengan Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM) bertujuan mempercepat pengkomersialan teknologi ICT ciptaan tempatan.

September

5 September

Rombongan MIMOS melawat Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT).

8-9 September

Minggu MIMOS M*STAR dan Pendidikan Pembangunan Kecekapan.

9 September

Lawatan rombongan Penyelidikan PETRONAS.

16 September

Lawatan Angkasawan Major Dr Faiz.

18 September

Lawatan rombongan Yayasan Sabah.

Oktoper

13 Oktober

Lawatan Universiti Putra Malaysia.



16 September



18 September



13 Oktober



29 Oktober



29 Oktober



31 Oktober



2 November



13 November

17 Oktober

Lawatan rombongan Institut Penyelidikan Teknologi Industri (ITRI) Taiwan, diketuai presidennya Dr Johnsee Lee.

29-31 Oktober

MIMOS mengambil bahagian dalam Minggu Sains dan Teknologi Terengganu.

31 Oktober

Lawatan rombongan Guru-Guru Cemerlang.

November

2 November

MIMOS turut serta bersama ribuan rakyat meraikan Pesta Jagung di Kota Marudu.

11 November

MIMOS dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengumumkan kerjasama dalam penyelidikan Teknologi Semantik.

13 November

MIMOS dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) memeterai MoA dalam pembangunan penderiaan Sistem Mekanikal Mikro-elektronik (MEMS).

20-22 November


MIMOS menganjurkan majlis penyampaian taklimat untuk media di Port Dickson, Negeri Sembilan.



1 Disember



1 Disember



2 Disember



2 Disember



11 Disember



15 Disember



15 Disember



15 Disember

Disember

1 Disember

MIMOS menganjurkan dialog bersama universiti dan industri.

2-4 Disember

MIMOS menganjurkan Pratonton Teknologi MIMOS (MTP) Kedua 2008, dihadiri kira-kira 1,000 pemain industri. Pada majlis itu MIMOS menandatangani MoU bersama 13 organisasi dari industri tempatan untuk meneroka peluang membangunkan produk untuk dikomersialkan.

11 Disember

Lawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Devamany Krishnasamy.

15 Disember

MIMOS menganjurkan sesi Kajian Halatuju Teknologi untuk Lembaga Pengarahnya.



Mimos pindah teknologi 12 syarikat

MIMOS Bhd sudah meluluskan pemohonan teknologi kepada 12 syarikat yang akan membangunkan projek yang akan menjadi "dunia dan aplikasi" pertama.

duk dan aplikasi daripada teknologi yang dipelihara itu, kastanya pada sidang mesej selesa majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara Mimos dan Persatuan Industri Komputer dan Multimedien Malaysia (Piknom) di Petaling Jaya, minggu lalu.

Abdul Wahab memeterai perjanjian itu bagi pihak Mimos manakala Pilkon diwakili Presidennya, CJ Ang. Mohd itu bagi membolehkan

ti sebarang petuang pemisahan teknologi dalam enam kluster teknologi Mimosa, katanya.

Beliau menjelaskan, antara teknologi kluster itu termasuk Grid Pengetahuan, Teknologi Pengetahuan, Kelembutan Maklumat, Komunikasi Tanpa Wujud dan Mikro-Nano.

"Kedua-dua pihak juga
membantu antara satu
dengan yang lain dalam mempersiapkan
peralatan teknologi yang sesuai
dengan tujuan pengkemasan
dan program pemindahan
teknologi Kementerian
Sains, Teknologi dan Inovasi
kepada mereka.

Impak besar pusat kecemerlangan ICT

Platform Mimos perkuat industri, teknologi negara

A photograph showing a man in a dark suit and red tie standing next to a display table. He is looking down at a blue electronic device, possibly a laptop or tablet, which is connected to a power source. The background shows other people and what appears to be a trade show or exhibition booth.

MEDAN GUNAN...Abdu Wahab, chairman

Dua pasar inti dibentuk oleh:
Pasar Kecemerlangan dalam
Teknologi Rangkaian dan Cico
Ara (ACENT) dan Pasar
Kecemerlangan Teknologi
AgileNet dalam Teknologi Rangkaian
dan Pemeliharaan Ara (CEMTIA)
yang mengintegrasikan kinerjanya
sebagai kelebihan teknologi.

Intelligence Dr
Dickson Lukose,
the new te-

Mimos to build up intelligence sector

111

66

Malaysia amat
memerlukan pakar
dalam bidang
sekitar serta

KERATAN AKHBAR

Peluang syarikat ICT berkembang

Kerjasama MIMOS, CIP, MAVCAP, MSC sedia platform bersaing di peringkat global.

10

“Kami memahami pentingnya teknologi makamatan dan komunikasi teknologi (ICT) di segala aspek kehidupan. Keterkaitan antara teknologi dan kebutuhan manusia tidaklah terpisahkan. Kita perlu mencari solusi untuk memenuhi kebutuhan manusia dengan menggunakan teknologi yang benar-benar bermanfaat bagi masyarakat,” kata Abdurrahman.

Jaringan kerjasama antara MAMOS, Cendekia Institute dan Pengembang Properti (PIP) yakni Venture Capital dan MAMOS Diversifikasi (MAMOS-VC) atau MAMOS Multisector yang beroperasi di bawah MAMOS Group bersama dengan pengembang properti lainnya.

CC
Kami memfokuskan
usaha
membangun
platform teknologi
agar industri
tempatan dapat
menggunakan
sebaik mungkin
untuk diketengahkan
kepada dunia luar"

Hibah Akademik
Bantuan Biaya Hidup Siswa Baru

A portrait photograph of a middle-aged man with dark hair, wearing glasses, a light-colored shirt, and a patterned tie. He is smiling slightly and looking towards the camera.

Program Inovasi dan Sistem Penelitian dan Pengembangan

Semantic technology
makes data
intelligible for
computers to
perform daily
routine tasks
automatically.
- Lukose

Computers to perform daily routine tasks automatically - Lukose





Laporan Kewangan 2008

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama penyata kewangan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat ialah menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Aktiviti-aktiviti utama subsidiari-subsidiari ialah rekabentuk, pemasaran dan jualan produk litar bersepadu, penyediaan pengurusan dan perkhidmatan pembuatan wafer semikonduktor dan perniagaan wafer semikonduktor, dan pegangan pelaburan. Aktiviti utama syarikat bersekutu dibentangkan pada Nota 13 penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti tersebut sepanjang tahun kewangan semasa kecuali pelupusan subsidiari seperti yang dinyatakan dalam Nota 9(a) penyata kewangan.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Kerugian bagi tahun semasa	(32,640,530)	(7,742,012)
Agihan kepada:		
Pemegang ekuiti Syarikat	(32,866,736)	(7,742,012)
Kepentingan minoriti	<u>226,206</u>	
	<u>(32,640,530)</u>	<u>(7,742,012)</u>

Tiada sebarang pemindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dibentangkan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan semasa tidak dipengaruhi dengan ketara oleh sebarang perkara, transaksi atau peristiwa yang ketara dan luar biasa selain daripada pelupusan subsidiari seperti yang dinyatakan dalam Nota 9(a) penyata kewangan.

DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar atau diisyiharkan oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan lalu.

PENGARAH

Nama para pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:

Dato' Suriah binti Abd Rahman (Dilantik pada 24 Oktober 2008)
Abdul Rahim bin Abdul Hamid
Mohamed Rashdi bin Mohamed Ghazalli
Dato' Abdul Wahab bin Abdullah
Gho Peng Seng
Datuk John Maluda @ Wanji (Dilantik pada 20 Ogos 2008)
Datu' Dr. Hatta bin Solhi (Dilantik pada 20 Ogos 2008)
Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah binti Mohamad Yusoff (Dilantik pada 17 April 2009)
Dato' Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad (Dilantik pada 17 April 2009)
(Pengarah alternatif kepada Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah binti Mohamad Yusoff)
Mohammad bin Abdullah (Bersara pada 26 Jun 2008)
Datuk Shahril bin Shamsuddin (Meletak jawatan pada 4 Julai 2008)
Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow (Meletak jawatan pada 31 Julai 2008)
Dato' Abdul Hanan bin Alang Endut (Meletak jawatan pada 24 Februari 2009)

GANJARAN PARA PENGARAH

Sama ada pada akhir tahun kewangan, atau pada bila-bila masa sepanjang tahun semasa, tiada sebarang urusan yang melibatkan Syarikat, di mana pengarah mungkin mendapat manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada pengarah yang telah menerima atau layak menerima manfaat (selain manfaat yang termasuk dalam amaun agregat emolumen diterima atau boleh dituntut dan akan diterima oleh pengarah seperti dinyatakan pada Nota 6 penyata kewangan) berdasarkan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau korporat berkaitan dengan mana-mana pengarah atau firma yang mana beliau ahli, atau dengan syarikat yang mana beliau mempunyai sejumlah besar kepentingan kewangan.

KEPENTINGAN PENGARAH

Tiada seorang pun di antara pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai, menurut keperluan pendaftar di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat 1965, kepentingan saham di dalam Syarikat dan perbadanan yang berkaitan.

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah sewajarnya:
- (i) bagi memastikan tindakan sewajarnya telah diambil untuk menghapus hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan
 - (ii) bagi memastikan aset semasa yang tidak mungkin mencapai nilai seperti ditunjukkan di dalam rekod perakaunan urusniaga biasa, telah diturunkan nilainya ke paras dijangka dapat dihasilkan
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui wujudnya sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan:
- (i) amaun yang dihapus kira untuk hutang lapuk atau amaun peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi; dan
 - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui wujudnya sebarang keadaan yang mengubah kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan mengelirukan atau tidak munasabah.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui wujudnya sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan mengelirukan atau tidak munasabah.
- (e) Pada tarikh laporan ini disediakan, tidak wujud:
- (i) sebarang caj ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin tanggungan pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka yang berkaitan dengan Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pandangan para pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjelas kemampuan Kumpulan atau Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab apabila tiba masanya; dan
 - (ii) tiada perkara, transaksi atau peristiwa luar biasa yang berlaku di antara tempoh akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang berkemungkinan menjelas dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan yang dilaporkan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMB.)

PERISTIWA PENTING

Butiran satu peristiwa penting dinyatakan dalam Nota 31 penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesediaan untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi bertarikh 4 Jun 2009



DATO' SURIAH BINTI ABD RAHMAN
Kuala Lumpur, Malaysia



ABDUL RAHIM BIN ABDUL HAMID

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA OLEH PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, DATO' SURIAH BINTI ABD RAHMAN dan ABDUL RAHIM BIN ABDUL HAMID, sebagai dua ahli lembaga pengarah MIMOS Berhad, menyatakan bahawa, lembaga pengarah berpendapat, penyata-penya kewangan yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 71 telah disediakan menurut Piawai Laporan Kewangan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 yang memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tahun berakhir 31 Disember 2008 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berkenaan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi pengarah bertarikh 4 Jun 2009.



DATO' SURIAH BINTI ABDUL RAHMAN



ABDUL RAHIM BIN ABDUL HAMID

Kuala Lumpur, Malaysia

PERAKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, DATO' ABDUL WAHAB BIN ABDULLAH, sebagai pengarah yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan MIMOS Berhad, dengan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 71 pada pendapat saya adalah betul dan perakuan ini dibuat dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut Akta Akuan Berkanun, 1960

Ditandatangani dan diperakui oleh
penama di atas DATO' ABDUL WAHAB BIN ABDULLAH
di Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan
pada 4 Jun 2009.



Di hadapan saya,



DATO' ABDUL WAHAB BIN ABDULLAH

No.136-IC, 1st Floor
Jln Tun Sambanthan
Brickfield 50170 Kuala Lumpur

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI MIMOS BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan tentang penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan MIMOS Berhad, yang meliputi kunci kira-kira setakat 31 Disember 2008 dan penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting serta nota-nota penjelasan seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 71.

Tanggungjawab para pengarah ke atas penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk menyediakan dan membentangkan secara adil penyata-penyata kewangan ini menurut Standard Pelaporan Kewangan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini meliputi: merekabentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman ke atas penyediaan dan pembentangan secara adil penyata-penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, memilih dan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab juruaudit

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan ini, berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit menurut standard pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Standard tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang dan melaksanakan audit bagi memperolehi jaminan munasabah sama ada penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit meliputi pelaksanaan tatacara untuk mendapatkan bukti audit yang menyokong amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Tatacara yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata penyata kewangan, sama ada disebabkan penipuan atau kesiapan. Dalam membuat penilaian risiko ini, kami menimbang kawalan dalaman berkaitan persediaan Syarikat dan pembentangan adil penyata kewangan untuk membuat tatacara audit tang sesuai mengikut keadaan, bukan untuk tujuan melahirkan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Audit juga meliputi penilaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh pengarah, serta menilai keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bukti audit kami menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI MIMOS BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

Pendapat

Pada pendapat kami penyata kewangan ini telah disediakan dengan sewajarnya menurut Standard Pelaporan Kewangan dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut ;

Laporan tentang keperluan-keperluan perundangan dan kawal atur.

Menurut keperluan Akta Syarikat 1965 (Akta) di Malaysia kami juga melaporkan seperti berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta perlu disimpan oleh Syarikat serta subsidiari-subsidiari telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang diperlukan bagi tujuan ini.
- (c) Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian yang penting dan tidak mengandungi sebarang teguran yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta Syarikat 1965.

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI MIMOS BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

Hal-hal lain

Laporan ini dibuat hanya sanya untuk ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174(3) Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas sesiapa pun yang lain tentang kandungan laporan ini.



Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah



Abdul Rauf bin Rashid
No. 2305/05/10(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
4 Jun 2009

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

IPENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula		
Operasi berterusan				
Hasil	3 16,274,495	15,488,408	6,372,249	4,346,663
Kos jualan	4 (10,763,009)	(3,888,409)	(4,468,819)	(686,638)
Keuntungan kasar		5,511,486	11,599,999	1,903,430
Pendapatan geran		139,296,734	121,655,973	121,655,973
Pendapatan operasi lain		8,964,896	7,686,428	9,381,342
Perbelanjaan pentadbiran		(113,258,190)	(97,197,611)	(88,275,164)
Perbelanjaan jualan dan pemasaran		(72,155)	(119,286)	(49,125,615)
Perbelanjaan operasi lain		(79,988,227)	(42,519,401)	(8,158,413)
(Rugi) /Untung pada operasi		(39,545,456)	1,106,102	(54,502)
Kos kewangan			(122,138)	(157,683)
Agihan keputusan syarikat bersekutu	5 3,647,833	826,8951,77	(8,212,915)	(4,680,285)
(Rugi) /Untung sebelum cukai		(36,019,761)	5,314	470,903
Cukai pendapatan	6 443,003	(2,760,462)		-
Kerugian bagi tahun daripada operasi berterusan	8			
		(35,576,758)	(985,148)	(7,742,012)
Operasi dihentikan				
Untung/(rugi) bagi tahun daripada operasi dihentikan	9 2,936,228	(12,874,472)		-
Kerugian bagi tahun		(32,640,530)	(13,859,620)	(7,742,012)
Agihan kepada:		(32,866,736)	(12,604,325)	(7,742,012)
Pemegang ekuiti Syarikat		226,206	(1,255,295)	-
Kepentingan minoriti		(32,640,530)	(13,859,620)	(7,742,012)
				(7,411,247)

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

**LEMBARAN IMBANGAN
 PADA 31 DISEMBER 2008**

Nota	KUMPULAN			SYARIKAT	
	2008	2007		2008	2007
	RM	RM	Dinyatakan semula	RM	RM
ASET					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji, peralatan	10	120,257,830	101,657,026	114,532,660	82,867,101
Aset tidak ketara	11	31,238,934	18,365,427	30,842,771	14,461,637
Pelaburan dalam subsidiari	12	-	-	7,000,048	42,429,159
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	13	6,605,646	2,969,725	4,050,001	4,050,001
Pelaburan-pelaburan lain	14	2	7,689,448	2	2
Aset cukai tertunda	26	-	3,661,598	-	-
		<u>158,102,412</u>	<u>134,343,224</u>	<u>156,425,482</u>	<u>143,807,900</u>
Aset semasa					
Pelaburan jangka pendek	15	-	-	-	-
Inventor	16	2,341,450	5,028,611	1,148,267	-
Penghutang perniagaan	17	2,972,386	7,029,958	1,139,134	869,300
Penghutang lain	18	15,652,051	21,176,977	15,118,949	16,952,460
Cukai boleh dikembalikan		468,094	4,611,397	-	-
Tunai dan baki di bank	19	206,258,032	267,899,523	195,937,616	239,345,046
		<u>227,692,013</u>	<u>305,746,466</u>	<u>213,343,966</u>	<u>257,166,806</u>
Aset kumpulan yang dilupuskan/aset bukan semasa yang diklasifikasi sebagai untuk dijual	9(b)	24,028,489	-	23,858,277	-
		<u>251,720,502</u>	<u>305,746,466</u>	<u>237,202,243</u>	<u>257,166,806</u>
JUMLAH ASET		409,822,914	440,089,690	393,627,725	400,974,706

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

**LEMBARAN IMBANGAN
 PADA 31 DISEMBER 2008 (SAMB.)**

Nota	KUMPULAN			SYARIKAT				
	2008 RM	2007 RM	Dinyatakan semula	2008 RM	2007 RM			
				Dinyatakan semula	Dinyatakan semula			
EKUITI DAN LIABILITI								
Ekuiti boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat								
Modal saham	25	100,000,000	100,000,000	100,000,000	100,000,000			
Rizab tukaran mata wang		(3,256,451)	(4,387,090)	-	-			
Keuntungan/(Kerugian) terkumpul		(42,541,208)	(9,674,472)	(47,352,680)	(39,610,668)			
		54,202,341	85,938,438	52,647,320	60,389,332			
Kepentingan minoriti		3,649,529	3,423,323	-	-			
Jumlah ekuiti		57,851,870	89,361,761	52,647,320	60,389,332			
Liabiliti bukan semasa								
Obligasi manfaat persaraan	21	264,420	239,893	264,420	239,893			
Pinjaman	23	76,000,000	76,000,000	76,000,000	76,000,000			
Akaun dana	27	239,512,298	242,807,075	239,512,298	242,807,075			
		315,776,718	319,046,968	315,776,718	319,046,968			
Liabiliti semasa								
Peruntukan untuk liabiliti	20	-	1,698,562	-	-			
Pendapatan tertunda	22	-	1,115,327	-	1,081,450			
Hutang perniagaan		909,579	3,382,256	113,430	609,143			
Hutang-hutang lain	24	33,971,925	25,484,816	24,145,294	19,475,574			
Cukai		1,044,429	-	944,963	372,239			
		35,925,933	31,680,961	25,203,687	21,538,406			
Liabiliti yang berkait langsung dengan aset yang diklasifikasi sebagai untuk dijual	9(b)	268,393	-	-	-			
Jumlah liabiliti		36,194,326	31,680,961	25,203,687	21,538,406			
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		351,971,044	350,727,929	340,980,405	340,585,374			
		409,822,914	440,089,690	393,627,725	400,974,706			

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DIS 2008

	Modal saham RM	Kerugian terkumpul RM	Jumlah RM
Setakat 1 Januari 2007	100,000,000	(32,199,421)	67,800,579
Kerugian bagi tahun kewangan, mewakili kerugian bersih diiktiraf dan perbelanjaan pada tahun semasa	-	(7,606,317)	(7,606,317)
Pada 31 Disember 2007	100,000,000	(39,805,738)	60,194,262
 Pada 1 Januari 2008			
Seperti yang dinyatakan sebelum ini	100,000,000	(39,805,738)	60,194,262
Pelarasan tahun sebelumnya (Nota 32)	-	195,070	195,070
Pada 31 Disember 2008	100,000,000	(39,610,668)	60,389,332
 Pada 1 Januari 2008 (dinyatakan semula)			
Kerugian bagi tahun kewangan, jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf	-	(7,742,012)	(7,742,012)
Pada 31 Disember 2008	100,000,000	(47,352,680)	52,647,320

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

	2008	2007
	RM	RM
	Dinyatakan semula	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Rugi)/untung sebelum cukai daripada:		
Operasi diteruskan	(36,019,761)	1,775,314
Operasi dihentikan	10,019,535	(12,267,135)
Pelarasan untuk:		
Pelunasan aset tidak ketara	6,992,379	7,051,330
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	26,711,346	21,698,357
Harta tanah, loji dan peralatan dihapuskira	-	3,684,242
Rugi/(Untung) pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	1,026,151	2,917,786
Kerugian pelupusan aset tidak ketara	167,481	495,950
Kerugian rosotnilai loji dan peralatan	-	9,419,270
Kerugian rosotnilai aset tidak ketara	-	11,021,373
Kerugian pelupusan subsidiari	40,674,273	-
Susutnilai inventori	4,302,328	1,248,427
Bahagian keputusan syarikat bersekutu	(3,647,833)	826,895
Perbelanjaan faedah	2,554,800	249,401
Peruntukan/masuk semula liabiliti	947,382	(2,657,562)
Peruntukan hutang ragu (bersih)	1,964,336	1,969,538
Hutang lapuk dihapuskira	125,000	2,764,862
Masuk semula manfaat persaraan	-	(3,162,364)
Kerugian rosotnilai pelaburan lain	538,655	2,816,512
Pendapatan faedah	(7,002,418)	(4,999,383)
Pendapatan geran	(139,296,734)	(121,655,973)
Rugi operasi sebelum perubahan modal kerja	(89,943,080)	(76,803,160)
(Penambahan)/pengurangan inventori	(6,513,484)	2,159,296
Penambahan penghutang	(59,934,697)	(60,368)
Penambahan/(pengurangan) hutang	22,704,632	(4,207,505)
Pendapatan tertunda	-	(347,680)
Tunai digunakan dalam operasi	(133,686,629)	(79,259,417)
Faedah dibayar	(2,554,800)	(249,401)
Bayaran balik cukai diterima	3,104,247	(3,004,337)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	(133,137,182)	(82,513,155)

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN (SAMB.)
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

	2008 RM	2007 RM	Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(60,503,610)	(66,365,073)	
Pembelian aset tidak ketara	(20,999,435)	(17,339,300)	
Aliran tunai keluar bersih daripada pelupusan subsidiari	(10,554,722)	-	
Faedah diterima	6,755,960	4,999,383	
Hasil pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	47,790	287,671	
Pelaburan lain	-	189,821	
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>(85,254,017)</u>	<u>(78,227,498)</u>	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Surutan penerimaan pengurus bank	14,282,631	-	
Surutan surat kredit	21,788,227	-	
Dana pembangunan diterima	196,368,577	316,214,008	
Dipindahkan kepada projek diluluskan	(60,315,484)	(29,350,093)	
Tunai bersih daripada aktiviti kewangan	<u>172,123,951</u>	<u>286,863,915</u>	
PENAMBAHAN /(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI			
KESAN PERUBAHAN TUKARAN MATA WANG ASING TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN			
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN (Nota 19)			
	(46,267,248)	126,123,262	
	1,130,639	(2,036,998)	
	267,899,523	143,813,259	
	<u>222,762,914</u>	<u>267,899,523</u>	

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI SYARIKAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008 RM	2007 RM	Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kerugian sebelum cukai	(8,212,915)	(4,680,285)	
Pelarasan untuk:			
Susut nilai hartaanah, loji dan peralatan	19,650,485	10,016,904	
Pelunasan aset tidak ketara	5,288,372	5,879,486	
Aset tidak ketara dihapus kira	-	492,468	
Perbelanjaan faedah	54,502	30,567	
Kerugian pelupusan hartaanah, loji dan peralatan	1,026,151	2,917,786	
Kerugian pelupusan aset tidak ketara	167,481	-	
Kerugian rosotnilai loji dan peralatan	-	9,419,270	
Kerugian rosotnilai aset tidak ketara	-	11,021,373	
Peruntukan hutang ragu	77,196	742,686	
Kerugian pelupusan subsidiari	9,999,999		
Kerugian rosotnilai pelaburan dalam subsidiari	1,570,832	8,142,743	
Peruntukan manfaat persaraan	-	(3,162,364)	
Pendapatan faedah	(6,637,305)	(4,729,669)	
Pendapatan geran	<u>(139,296,734)</u>	<u>(121,655,973)</u>	
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(116,311,936)	(85,565,008)	
Penambahan inventori	(1,148,267)	-	
Pengurangan penghutang	1,732,939	7,031,129	
Penambahan hutang	3,065,950	3,728,379	
Tunai digunakan dalam operasi	<u>(112,661,314)</u>	<u>(74,805,500)</u>	
Bayaran balik cukai diterima	1,043,627	(2,000,000)	
Faedah dibayar	(54,502)	(30,567)	
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	<u>(111,672,189)</u>	<u>(76,836,067)</u>	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartaanah, loji dan peralatan	(54,176,083)	(53,772,596)	
Pembelian aset tidak ketara	(20,050,889)	(13,874,815)	
Faedah diterima	6,390,847	4,729,669	
Hasil pelupusan hartaanah, loji dan peralatan	47,790	-	
Hasil pelupusan subsidiari	1	-	
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>(67,788,334)</u>	<u>(62,917,742)</u>	

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI SYARIKAT (SAMB.)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008 RM	2007 RM
Dinyatakan semula		

CALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN

Dana pembangunan diterima daripada Kerajaan	196,368,577	316,214,008
Dipindahkan kepada projek diluluskan	(60,315,484)	(29,350,093)
Tunai bersih daripada aktiviti kewangan	<u>136,053,093</u>	<u>286,863,915</u>

PENAMBAHAN (PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN

SETARA TUNAI	(43,407,430)	147,110,106
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA		
AWAL TAHUN KEWANGAN	239,345,046	92,234,940
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA		
TAHUN KEWANGAN (NOTA 19)	<u>195,937,616</u>	<u>239,345,046</u>

Nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

MIMOS Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2007

1. MAKLUMAT KORPORAT

Aktiviti utama Syarikat ialah menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Aktiviti utama subsidiari ialah mereka bentuk dan memasarkan dan menjual produk litar bersepadu, penyediaan khidmat pengurusan dan pembuatan wafer semikonduktor serta perniagaan wafer semikonduktor dan pegangan pelaburan. Aktiviti utama syarikat bersekutu dibentangkan dalam Nota 13 penyata kewangan.

Tidak terdapat perubahan signifikan pada sifat aktiviti utama pada tahun kewangan melainkan pelupusan satu subsidiari seperti yang dinyatakan dalam nota 9(a) penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat tanggungan terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di 14, Jalan Tun Sambanthan 3, Peti Surat 12019, 50764 Kuala Lumpur. Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Taman Teknologi Malaysia, Lebuh Raya Puchong-Sg. Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur.

Syarikat induk ialah Menteri Kewangan (Diperbadankan) ("MOF Inc"), sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Perbadanan), 1967.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 4 Jun 2009.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan dengan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan seperti yang diterima pakai oleh Piawai Pelaporan Kewangan (FRS) di Malaysia.

Pada awal tahun kewangan, Kumpulan dan Syarikat telah menerima FRS yang telah disemak, pindaan FRS dan takrifan yang diwajibkan ke atas tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2008 seperti yang dijelaskan sepenuhnya dalam Nota 2.3.

Penyata kewangan juga telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting

(a) Subsidiari dan asas penyatuan

(i) Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah entiti yang mana Kumpulan mempunyai kuasa kawalan terhadap dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktivitinya. Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang dilaksanakan atau boleh ditukar akan diambil kira bila menentukan sama ada Kumpulan mempunyai kuasa tersebut ke atas sesebuah entiti.

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos tolak kerugian rosotnilai pelaburan. Pada pelupusan pelaburan, perbezaan di antara nilai bersih pelupusan dan nilai aset bersih dimasukkan di dalam keuntungan atau kerugian.

(ii) Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiari pada tarikh akhir penyata kewangan. Penyata kewangan subsidiari disediakan pada tarikh pelaporan yang sama seperti Syarikat.

Subsidiari disatukan dari tarikh pengambilalihan, yang merupakan tarikh Kumpulan mendapat kawalan, dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, baki antara syarikat, urus niaga dan keuntungan atau kerugian belum direalisasi dihapuskan sepenuhnya. Keseragaman dasar-dasar perakaunan diguna pakai dalam penyata kewangan disatukan bagi urus niaga dan peristiwa yang mempunyai kesamaan keadaan. Pengambilalihan subsidiari diambil kira menggunakan kaedah pembelian.

Kaedah perakaunan menerusi pembelian melibatkan peruntukan kos pengambilalihan dalam nilai saksama aset bersih, liabiliti-liabiliti dan liabiliti-liabiliti luar jangka yang dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat nilai saksama aset, pada tarikh pertukaran, liabiliti-liabiliti sama ada tertanggung atau anggapan, dan instrumen ekuiti yang diterbitkan, ditambah sebarang kos yang berkait langsung dengan pengambilalihan tersebut.

Sebarang lebihan kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih, liabiliti-liabiliti dan liabiliti-liabiliti luar jangka yang dikenal pasti mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih, liabiliti dan liabiliti luar jangka atas kos pengambilalihan diiktiraf terus sebagai keuntungan atau kerugian.

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

(a) Subsidiari dan asas penyatuan (samb.)

(ii) Asas penyatuan (samb.)

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih subsidiari yang tidak dimiliki oleh Kumpulan. Ia dinilai mengikut nilai saksama bahagian minoriti bagi aset dan liabiliti pada tarikh pengambilalihan dan perubahan ekuiti bahagian minoriti sejak diambil alih.

(b) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti bukan subsidiari mahupun kepentingan dalam usaha sama di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting merupakan kuasa untuk turut terlibat dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat tetapi bukan mengawal atau mengawal bersama dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dibawa ke Lembaran Imbangan disatukan pada kos diselaraskan untuk perubahan selepas pengambilalihan dalam aset bersih bahagian Kumpulan ke atas syarikat bersekutu. Keuntungan atau kerugian bersih bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu diiktiraf di dalam penyata pendapatan disatukan. Bila mana terdapat perubahan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan akan mengiktiraf bahagiannya terhadap perubahan tersebut. Dalam menggunakan kaedah ekuiti, laba belum nyata pada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Selepas menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada perlu untuk mengiktiraf sebarang kerugian rosotnilai tambahan berhubung pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Ekuiti syarikat bersekutu dikira daripada tarikh Kumpulan memperoleh pengaruh penting sehingga tarikh luput pengaruh Kumpulan ke atas syarikat bersekutu.

Muhibah berkaitan syarikat bersekutu dimasukkan dalam amaun dibawa pelaburan dan tidak dilunaskan. Sebarang lebihan nilai saksama bersih bahagian Kumpulan ke atas aset dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat bersekutu yang melebihi kos pelaburan dikeluarkan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam menentukan keuntungan atau kerugian bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu pada tempoh pelaburan diperolehi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan dasar-dasar perakaunan utama (samb.)

(b) Syarikat bersekutu (sambungan)

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingan dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang, membentuk sebahagian pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan terdapat tanggungan obligasi atau pembayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu.

Penyata kewangan syarikat bersekutu yang diaudit dan terkini digunakan oleh Kumpulan dalam kaedah ekuiti. Keseragaman dasar perakaunan digunakan untuk urus niaga dan peristiwa yang mempunyai kesamaan keadaan.

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian kemerosotan. Pada pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan bahagian aset bersih dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian.

(c) Hartanah, loji dan peralatan susut nilai

Semua harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan ke amaun bawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mana bersesuaian, hanya bila kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan aset tersebut mengalir kepada Kumpulan dan aset itu boleh dinilai. Nilai bahagian aset yang diganti tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj ke penyata pendapatan pada tempoh kewangan bila mana berlaku.

Selepas diiktiraf, harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

digunakan. Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus bagi menghapus kira kos aset kepada nilai sisa sepanjang tempoh anggaran kegunaan, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Pengubabsuaian dan landskap	10%
Perabot dan kelengkapan	10% - 20%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat	20%
Perisian komputer	20% - 33 1/3%
Perkakasan komputer	20% - 33 1/3%
Peralatan makmal dan bengkel	33 1/3%

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(c) Hartanah, Loji dan peralatan susut nilai (samb.)

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan susutnilai dikaji pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran terdahulu dan pola penggunaan dijangka berkenaan manfaat ekonomi masa hadapan yang terangkum dalam perkara hartaanah, loji dan peralatan.

Sesuatu hartaanah, loji dan peralatan, tidak diiktiraf bila ada pelupusan atau bila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada kegunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara hasil bersih pelupusan, jika ada, dan nilai bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan dan bahagian tidak digunakan ke atas lebihan penilaian semula perkara itu dibawa terus ke keuntungan terkumpul.

(d) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara yang diperoleh berasingan dikira pada masa mula-mula diiktiraf pada kos. Aset tidak ketara dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Kegunaan jangka hayat aset tidak ketara ditaksir sama ada terhad atau tidak terhad. Aset tidak ketara jangka hayat terhad dilunaskan mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran kegunaan jangka hayat ekonomi dan ditaksir untuk rosotnilai bila terdapat petanda aset tidak ketara tersebut berkemungkinan rosotnilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat kegunaan terhad dikaji paling kurang pada setiap tarikh Lembaran Imbangan.

Aset tidak ketara jangka hayat kegunaan tidak terhad tidak dilunaskan tetapi diuji untuk kemerosotan secara tahunan atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menandakan nilai dibawa berkemungkinan merosot sama ada secara berasingan atau pada paras unit penjanaan tunai. Aset tidak ketara jangka hayat kegunaan tidak terhad juga dikaji secara tahunan bagi menentukan sama ada penaksiran jangka hayat kegunaannya boleh terus disokong.

Aset tidak ketara kegunaan terhad adalah berhubung perisian komputer dan mempunyai kegunaan ekonomi selama 3 hingga 5 tahun.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(e) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah antara kos dan nilai bersih boleh direalisasi.

Kos ditentukan menggunakan kaedah masuk dahulu, keluar dahulu. Kos bahan mentah meliputi kos pembelian. Kos barang siap and kerja dalam pelaksanaan termasuk kos bahan mentah, buruh, kos langsung lain dan pengagihan perbelanjaan overhead pembuatan berdasarkan keupayaan operasi biasa.

Nilai boleh realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan tolak anggaran kos yang diperlukan untuk membuat jualan.

(f) Rosotnilai aset bukan kewangan

Nilai aset, selain inventori dan aset cukai tertunda dikaji pada setiap tarikh Lembaran Imbalan bagi menentukan sama ada terdapat petanda kemerosotan. Jika sebarang petanda wujud, nilai aset dijangka akan menentukan jumlah rosotnilai.

Bagi aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat kegunaan tidak terhad dan aset tidak ketara yang belum sedia untuk kegunaan, nilai ditaksirkan pada setiap tarikh lembaran imbalan atau lebih kerap bila petanda kemerosotan dikenal pasti.

Bagi tujuan ujian kemerosotan ke atas aset ini, nilai ditentukan dengan kaedah penilaian aset secara berasingan kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang tidak bergantung pada aset lain. Jika berkeadaan demikian, nilai ditentukan atas unit aliran tunai (CGU) yang mana aset dipunyai.

Nilai boleh dituntut aset adalah lebih tinggi dari nilai saksama aset atau aliran tunai saksama CGU tolak kos jual dan nilai dalam kegunaan. Dalam menaksir nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun prakukai yang menggambarkan penaksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus terhadap aset.

Bilamana nilai aset melebihi nilai boleh dituntut, aset disifatkan merosot dan diturunkan nilai ke jumlah boleh dituntut.

Kerugian kemerosotan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ia berlaku.

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(f) Rosotnilai asset bukan kewangan (samb.)

Kerugian rosotnilai bagi asset dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan pada taksiran yang digunakan untuk menentukan nilai asset semenjak kerugian kemerosotan terakhir diiktiraf. Nilai asset ditambah ke nilai boleh dituntut asset dikaji semula, sekiranya nilai tersebut tidak melebihi nilai asset yang boleh ditentukan (bersih daripada pelunasan atau susut nilai) sekiranya tiada rosotnilai diiktiraf bagi asset pada tahun-tahun lepas. Pembalikan rosotnilai bagi asset diiktiraf dalam penyata pendapatan dianggap sebagai pertambahan penilaian semula.

(g) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi amaun tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada tarikh Lembaran Imbangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Bila mana kesan nilai wang adalah ketara, peruntukan didiskaun menggunakan kadar prakukai semasa. Bila mana diskauan digunakan, penambahan peruntukan disebabkan perjalanan waktu diiktiraf sebagai kos kewangan.

(h) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan yang dikenakan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai bagi tahun kewangan dan dianggarkan mengikut kadar cukai yang telah diaktakan pada tarikh Lembaran Imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan melalui kaedah liabiliti. Secara asas, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara cukai manakala asset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan sehingga terdapat keuntungan boleh dicukai yang boleh digunakan ke atas perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul dari permulaan pengiktirafan asset atau liabiliti di dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada masa asset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah diaktakan atau hampir diaktakan pada tarikh Lembaran Imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan di dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut, kecuali jika ia timbul hasil daripada urusniaga yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, yang mana cukai tertunda juga diiktiraf terus di dalam ekuiti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(i) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf bila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman bertakrif

Pelan caruman bertakrif merupakan pelan manfaat selepas persaraan yang mana Kumpulan membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan atau dana dan tidak mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana dana tidak mempunyai aset secukupnya untuk membayar semua manfaat pekerja berhubung perkhidmatan pekerja pada tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan bila tertanggung. Menurut peruntukan perundangan, syarikat di Malaysia membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Sesetengah subsidiari asing Kumpulan juga membuat caruman kepada skim penceh berkanun negara masing-masing.

(iii) Pelan manfaat bertakrif

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan ("Skim") yang dibiayai untuk pekerjanya yang layak. Obligasi Kumpulan di bawah Skim, dihitung menggunakan Kaedah Anggaran Kredit Unit, ditentukan berdasarkan perkiraan aktuari oleh aktuari bebas, yang mana jumlah manfaat yang telah diperolehi oleh pekerja atas perkhidmatan pada tahun semasa dan sebelum dianggarkan. Manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai semasanya.

Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan ke atas purata baki kehidupan bekerja dijangka pekerja bila mana keuntungan atau kerugian aktuari tidak diiktiraf terkumpul untuk Skim melebihi 10% daripada yang lebih tinggi antara nilai semasa obligasi manfaat bertakrif dan nilai saksama aset pelan. Kos perkhidmatan lepas diiktiraf setakat manfaat yang telah diberikan, dan jika tidak, dilunaskan pada asas garis lurus ke atas tempoh purata sehingga manfaat yang diperbetulkan menjadi haknya.

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(i) Manfaat kakitangan (samb.)

(iv) Pelan manfaat bertakrif

Jumlah diiktiraf dalam Lembaran Imbangan mewakili nilai semasa obligasi manfaat diselaraskan keuntungan dan kerugian aktuari tidak diiktiraf dan kos perkhidmatan lepas yang tidak diiktiraf, dan dikurangkan dengan nilai saksama aset pelan.

Sebarang aset yang terhasil daripada pengiraan ini adalah terhad kepada jumlah bersih sebarang kerugian aktuari tidak diiktiraf dan kos perkhidmatan lepas, dan nilai semasa manfaat ekonomi dalam bentuk bayaran balik atau pengurangan dalam sumbangan kepada pelan di masa hadapan.

(j) Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf bersih sehingga kemungkinan manfaat ekonomi akan berpindah kepada Kumpulan dan nilai pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Kriteria-kriteria berikut perlu ditepati sebelum sesuatu pendapatan diiktiraf:

(i) Jualan barang

Hasil diiktiraf bersih dari cukai jualan dan pada pindahan risiko penting dan ganjaran pemilikan kepada pembeli. Keuntungan tidak diiktiraf sehingga bila mana terdapat ketidakpastian utama berhubung mendapat balik pertimbangan yang terhutang, kos berkaitan atau kemungkinan pemulangan barang.

(ii) Pendapatan sewaan perisian dan perkakasan komputer

Pendapatan dari penyewaan perisian dan perkakasan komputer diiktiraf pada asas garisan lurus sejajar dengan tempoh penyewaan.

Pendapatan penyewaan yang diterima terdahulu daripada pengguna dikira sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf di sepanjang tempoh penyewaan.

(iii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan kaedah hasil efektif.

(iv) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen dikira apabila terdapat hak untuk menerima telah ditentukan

2. **DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)**

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(k) Pengiktirafan geran

Geran pembangunan berhubung perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan Malaysia dikreditkan ke Akaun Dana Pembangunan. Jumlah yang digunakan diiktiraf dalam penyata pendapatan bagi tempoh hayat aset yang diperolehi mengikut jumlah pindahan tahunan yang sepadan dengan caj susut nilai.

Geran operasi yang diterima daripada Kerajaan Malaysia dikreditkan ke dalam Akaun Dana Pembangunan dan diiktiraf di penyata pendapatan pada tempoh sama perbelanjaan berkaitan.

Geran boleh terima daripada Kerajaan Malaysia berkaitan pelaburan dalam aset tidak disusut nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang mana ia boleh diterima.

(l) Mata wang asing

(i) Mata wang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan bagi setiap entiti Kumpulan diukur menggunakan mata wang ekonomi utama persekitaran di mana entiti beroperasi ("mata wang fungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi Syarikat.

(ii) Urusniaga mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang selain daripada mata wang fungsi (mata wang asing) entiti direkodkan dalam mata wang fungsi menggunakan kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Pada tarikh lembaran imbalan, butiran mata wang didenominasi dalam mata wang asing akan diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada nilai saksama yang didenominasi dalam mata wang asing akan diterjemahkan pada kadar berkuatkuasa pada tarikh bila mana nilai saksama ditentukan. Butiran tidak bersifat kewangan yang diukur menggunakan kos sejarah dalam mata wang asing tidak diterjemahkan.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penyelesaian butiran mata wang, dan pada terjemahan butiran mata wang, dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran mata wang yang membentuk sebahagian pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing.

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(I) Mata wang asing (samb.)

(ii) Urusniaga mata wang asing (samb.)

Perbezaan tukaran yang timbul daripada terjemahan butiran tidak bersifat mata wang dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran tidak bersifat mata wang yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran tidak bersifat mata wang juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

(iii) Operasi asing

Keputusan dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai mata wang fungsi berbeza daripada mata wang pembentangan (RM) bagi penyata kewangan disatukan diterjemahkan ke dalam RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap lembaran imbalan yang dibentangkan diterjemahkan pada kadar berkuatkuasa ditutup pada tarikh lembaran imbalan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan diterjemahkan pada purata kadar tukaran tahun kewangan, yang menganggarkan kadar tukaran pada tarikh transaksi; dan
- Semua hasil perbezaan tukaran dibawa ke rizab terjemahan mata wang asing dalam ekuiti.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(m) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak kepada perjanjian kontrak untuk peruntukan instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam kontrak perjanjian. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai ekuiti diiktiraf terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang untuk melakukannya dan berniat untuk menyelesaikan secara bersih atau merealisasi aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit tetap dan pelaburan kecairan tinggi jangka pendek yang berisiko kecil untuk berubah nilainya, bersih daripada baki overdraf bank.

(ii) Lain-lain pelaburan semasa

Pelaburan tak semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih pelupusan dan nilai bawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(iii) Penghutang perniagaan

Penghutang perniagaan dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penilaian semula ke atas semua baki yang belum dijelaskan pada tarikh Lembaran Imbangan..

(iv) Hutang perniagaan

Hutang perniagaan dinyatakan pada nilai saksama ganjaran dan perlu dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

(v) Pinjaman berfaedah

Semua pinjaman diiktiraf awal pada nilai saksama pertimbangan diterima tolak kos berkaitan transaksi. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman berfaedah seterusnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan.

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Utama (samb.)

(m) Instrumen kewangan

(vi) Instrumen ekuiti

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen saham biasa diiktiraf dalam ekuiti apabila ianya diisyiharkan. Kos urusniaga transaksi ekuiti diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti, bersih dari cukai. Kos urusniaga ekuiti terdiri hanya daripada peningkatan kos luaran yang berkaitan secara langsung kepada transaksi ekuiti yang sebaliknya dapat dielakkan.

(n) Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) untuk dijual dan operasi dihentikan

Aset-aset bukan semasa adalah diklasifikasikan sebagai untuk dijual jika aman yang dibawanya dapat dikembalikan menerusi transaksi jualan yakni bukan melalui penggunaan berterusan. Keadaan ini dianggap berlaku hanya apabila jualan berkemungkinan besar akan dimuktamadkan dan aset yang ingin dilupuskan sudah sedia untuk dijual dengan serta-merta dalam keadaan sedia adanya, dan hanya tertakluk kepada terma-terma yang lazim dan biasa.

Sejurus sebelum diklasifikasi sebagai untuk dijual, kiraan aset bukan semasa (atau semua aset, liabiliti dalam kumpulan yang ingin dilupuskan) dikemaskini menurut FRS bersesuaian. Kemudian, pada permulaan pengkelasan sebagai untuk dijual, aset-aset bukan semasa atau kumpulan pelupusan (melainkan pelaburan harta tanah, aset cukai tertunda, aset manfaat pekerja, aset kewangan dan inventori) dikira menurut Aset Bukan Semasa untuk Dijual dan Operasi Dihentikan (“FRS 5”) yang lebih rendah dan nilai saksama tolak kos untuk dijual. Sebarang perbezaan dikira dalam penilaian semula.

Sesuatu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai operasi dihentikan apabila kriteria bagi pengklasifikasian sebagai untuk dijual telah ditepati, atau ia telah dilupuskan; dan komponen tersebut mewakili satu bidang utama perniagaan yang berasingan atau kawasan geografi operasi, atau sebahagian daripada bidang perniagaan berasingan atau kawasan geografi operasi atau merupakan subsidiari yang diambil alih semata-mata untuk tujuan dijual semula.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.3 Kesan daripada penggunaan FRS yang dipinda, pindaan FRS dan interpretasi

Pada 1 Januari 2008, Kumpulan dan Syarikat mengguna pakai FRS yang telah disemak dan yang telah dipinda, dan interpretasinya.

FRS 111: Kontrak Pembinaan

FRS 112: Cukai Pendapatan

FRS 118: Hasil

FRS 120: Perakaunan Geran Kerajaan dan Pendedahan

FRS 134: Pelaporan Kewangan Sementara

FRS 137: Peruntukan, Liabiliti Luar jangka dan Aset Luar Jangka

Pindaan kepada FRS 121: Kesan Perubahan Kadar Tukaran Wang Asing

– Pelaburan Bersih Operasi Asing

IC Interpretasi 1: Perubahan dalam Penyahtaulahan Tersedia, Pembaikan Dana Liabiliti Bersamaan

IC Interpretasi 2: Saham Ahli dalam Entiti Usahasama dan Instrumen Bersamaan

IC IIinterpretasi 5: Hak kepada Kepentingan timbul daripada Dana Penyahtaulahan, Pembaikan dan Pemulihan Alam Sekitar

IC Interpretasi 6: Liabiliti yang timbul daripada Penglibatan dalam Pasaran Khusus

– Kumbahan Elektrik dan Peralatan Elektronik

IC Interpretasi 7: Penyesuaian Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 129

– Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiper-inflasi

IC Interpretasi 8: Skop FRS 2

Semakan dan pindaan ke atas FRS, serta interpretasinya, tidak memberikan impak ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

MIMOS Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.4 Standard dan Interpretasi yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Pada tarikh pengiktirafan penyata kewangan, FRS baru berikut telah dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasakan dan belum digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat:

Berkuatkuasa
bagi tempoh
kewangan pada
atau selepas

FRS baru dan Interpretasi

FRS 7: Instrumen Kewangan:	Pendedahan 1 Januari 2010
FRS 8: Segmen Operasi	1 Julai 2009
FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	
1 Januari 2010	
IC Interpretasi 9: Penilaian Semula Derivatif Tertanam	1 Januari 2010
IC II Interpretasi 10: Pelaporan Kewangan Sementara dan Rosotnilai	1 Januari 2010

FRS baru dan interpretasinya seperti di atas dijangka tidak meninggalkan impak ketara terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat selepas penggunaannya buat kali pertama melainkan pada perubahan dalam pendedahan yang berlaku disebabkan penggunaakaian FRS 7.

Kumpulan dan Syarikat adalah dikecualikan daripada mendedahkan impak yang mungkin berlaku, jika ada, ke atas penyata kewangan selepas penggunaakaian buat kali pertama FRS7 dan FRS 139 mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam FRS7 dan FRS 139.

2.5 Anggaran dan penilaian perakaunan penting

Anggaran dan andaian berkenaan masa hadapan dan penilaian dibuat dalam menyediakan penyata kewangan. Ia memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan, laporan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan, dan pendedahan yang dibuat. Ia dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman dan faktor-faktor relevan, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah menurut keadaan.

2. ASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.5 Anggaran dan penilaian perakaunan penting (samb.)

(a) Penilaian kritikal dibuat dalam menggunakan dasar perakaunan.

Penilaian dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses menggunakan dasar perakaunan Kumpulan yang memberi kesan ketara kepada jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan.

(i) Kemerosotan pelaburan

Kumpulan dan Syarikat menentukan sama ada pelaburannya merosot berikutan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan belanjawan aliran tunai, pembiayaan terhad untuk memenuhi obligasi bila diperlukan, perubahan ketara dengan kesan buruk terhadap pelaburan yang merosot.

Bergantung kepada bentuk dan aktiviti utama pelaburan, penilaian dibuat oleh pihak pengurusan untuk memilih kaedah sesuai untuk penilaian seperti, antara lain, aliran tunai berdiskaun, aset bersih, nilai aset bersih direalisasi, kaedah nisbah harga-perolehan purata sektor dan perbandingan nilai pasaran semasa syarikat lain yang mempunyai aktiviti serupa.

(ii) Cukai pendapatan dan aset cukai tertunda

Penilaian digunakan dalam menentukan peruntukan cukai pendapatan Kumpulan dan Syarikat kerana terdapat urusniaga dan perkiraan tertentu yang mana ketentuan cukai terakhir tidak dapat dipastikan semasa perjalanan biasa perniagaan. Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf liabiliti untuk perkara cukai yang dijangka berdasarkan anggaran sama ada terdapat cukai tambahan. Bila mana cukai akhir perkara tersebut berlainan daripada jumlah yang diiktiraf sebelumnya, perbezaan tersebut akan memberi impak kepada peruntukan cukai pendapatan dan cukai tertunda dalam tempoh yang mana ketentuan tersebut dibuat.

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua kerugian cukai tidak digunakan dan elau modal tidak digunakan sehingga berkemungkinan terdapat keuntungan cukai daripada kerugian dan elau modal yang boleh digunakan. Penilaian pihak pengurusan penting diperlukan bagi memastikan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan kemungkinan waktu dan tahap keuntungan cukai masa hadapan dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

Amaun dibawa cukai yang mesti dibayar Kumpulan dan Syarikat dan liabiliti cukai tertunda didedahkan masing-masing di dalam Nota 8 dan 26.

MIMOS Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

2.5 Anggaran dan penilaian perakaunan penting (samb.)

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkenaan masa hadapan dan sumber utama lain ketidakpastian anggaran pada tarikh lembaran imbangan yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada nilai nyata aset dan liabiliti pada tahun kewangan berikut dibincangkan di bawah:

(i) Kerosotan pelaburan

Setelah kaedah penilaian sesuai dipilih, pengurusan membuat andaian tertentu berkenaan masa hadapan untuk menganggar jumlah boleh dituntut daripada pelaburan. Bergantung kepada pelaburan tertentu yang khusus, andaian yang dibuat pengurusan mungkin termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, pertumbuhan pendapatan, kadar diskain digunakan untuk tujuan aliran tunai didiskaun masa hadapan yang menggabungkan risiko berkaitan, dan jangkaan hasil masa hadapan berkenaan peristiwa tertentu masa lalu.

Kepakaan terhadap perubahan andaian

Pengurusan percaya bahawa tiada kemungkinan munasabah perubahan dalam andaian utama yang diterangkan di atas akan menyebabkan jumlah nyata pelaburan melebihi dengan ketara jumlah boleh dituntutnya.

Kajian semula rosotnilai

Kajian semula rosotnilai pelaburan yang menunjukkan kemerosotan yang dijalankan oleh pengurusan pada tahun semasa membawa kepada pengiktirafan kerugian kemerosotan dalam pelaburan kira-kira RM538,655 (2007: RM2,816,512) dan RM1,570,832 (2007: RM8,142,725) masing-masing untuk Kumpulan dan Syarikat.

3. Hasil

	Kumpulan		Syarikat	
	2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula		
Jualan barang	9,821,299	10,701,613	-	-
Perkhidmatan yang diberi	6,453,196	4,786,795	6,372,249	4,346,663
	<u>16,274,495</u>	<u>15,488,408</u>	<u>6,372,249</u>	<u>4,346,663</u>

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

4. KOS JUALAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Kos inventori dijual bagi perkhidmatan diberikan	6,294,190 4,468,819 <u>10,763,009</u>	3,178,955 709,454 <u>3,888,409</u>	- 4,468,819 <u>4,468,819</u>	Kos 686,638 <u>686,638</u>

5. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Caj bank dan komisen	122,138	97,853	54,502	30,567
Caj faedah lain	-	59,830	-	-
	<u>122,138</u>	<u>157,683</u>	<u>54,502</u>	<u>30,567</u>

6. (KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Amaun yang berikut telah dimasukkan untuk mengira (rugi)/untung sebelum cukai bagi operasi berterusan:

	Kumpulan		Syarikat	
	2008	2007	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 7)	63,123,143	53,234,638	59,304,696	49,461,379
Ganjaran juruaudit				
- audit berkanun	65,000	57,623	35,000	35,000
- perkhidmatan-perkhidmatan lain	35,690	34,978	27,960	27,960
Pelunasan aset tidak ketara	5,288,372	5,879,486	5,288,372	5,879,486
Kerugian pelupusan aset tidak ketara	-	-	-	492,468
Ganjaran pengarah bukan eksekutif				
- emolumen lain	89,931	105,595	87,531	112,575
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	19,889,630	11,155,892	19,650,485	10,016,904

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

6. (KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (SAMB.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
Peruntukan/ (masuk semula)				
hutang ragu (bersih)	272,064	1,822,610	77,196	742,686
Hutang lapuk dihapus kira	-	2,764,862	-	Loss
bagi pelupusan subsidiari	40,674,273	-	9,999,999	-
Inventori dihapus kira	22,349	-	-	-
Kerugian rosotnilai loji dan peralatan	-	9,419,270	-	9,419,270
Kerugian rosotnilai aset tidak ketara	-	11,021,373	-	11,021,373
Kerugian rosotnilai pelaburan dalam subsidiari	-	-	1,570,832	8,142,743
Perbelanjaan sewaan	443,926	222,111	443,926	222,111
Sewa beli kelengkapan	3,882,667	2,711,469	3,882,667	2,711,469
Kerugian daripada pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	1,026,151	2,917,786	1,026,151	2,917,786
Kerugian pelupusan aset tidak ketara	167,481	-	167,481	-
Pendapatan faedah - - bank-bank	(6,969,082)	(4,839,213)	(6,637,305)	(4,729,669)
Pendapatan yuran bayaran balik - - syarikat subsidiari	-	-	(701,433)	(817,039)
Kerugian tukaran wang asing yang direalisasi	(493,406)	(280,903)	(499,058)	(233,928)

7. Perbelanjaan manfaat kakitangan

	Kumpulan		Syarikat	
	2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
Upah dan gaji	44,844,728	38,030,944	41,515,709	34,028,570
Kos keselamatan sosial	209,229	377,046	185,070	159,205
Kos pencen:				
- Rancangan caruman bertakrif	6,499,071	4,972,852	6,132,075	4,759,296
Perbelanjaan lain melibatkan pekerja	11,570,115	9,853,796	11,471,842	10,514,308
	63,123,143	53,234,638	59,304,696	49,461,379

Termasuk di dalam perbelanjaan manfaat pekerja Kumpulan dan Syarikat adalah ganjaran pengarah masing-masing berjumlah RM1,189,920 (2007: RM994,195) dan RM1,189,920 (2007: RM994,195).

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

8. CUKAI PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2008 RM	2007 RM	2008 RM	2007 RM
Operasi berterusan				
Cukai pendapatan semasa:				
Cukai pendapatan Malaysia	27,900	2,760,462	-	2,730,962
Lebihan peruntukan cukai pendapatan tahun-tahun lepas	(470,903)	-	(470,903)	-
	<u>(443,003)</u>	<u>2,760,462</u>	<u>(470,903)</u>	<u>2,730,962</u>
Jumlah perbelanjaan cukai cukai pendapatan daripada operasi berterusan	<u>(443,003)</u>	<u>2,760,462</u>	<u>(470,903)</u>	<u>2,730,962</u>
Operasi dihentikan				
Cukai pendapatan semasa:				
Cukai pendapatan Malaysia	3,421,844	43,329	-	-
(Kurangan)/lebihan peruntukan tahun-tahun lepas	(135)	365,952	-	-
	<u>3,421,709</u>	<u>409,281</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Cukai tertunda (Nota 26):				
Berkenaan dengan perbezaan sementara asal dan pembalikannya	5,415,801	140,831	-	-
(Kurangan)/lebihan peruntukan tahun-tahun lepas	(1,754,203)	57,225	-	-
	<u>3,661,598</u>	<u>198,056</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Jumlah perbelanjaan cukai pendapatan daripada operasi dihentikan	<u>7,083,307</u>	<u>607,337</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Jumlah cukai pendapatan	6,640,304	3,367,799	(470,903)	2,730,962

Syarikat telah dianugerahkan status Koridor Raya Multimedia ("MSC") pada tahun 2000. Syarikat yang dianugerahkan status MSC layak untuk potongan cukai ke atas pendapatan diperoleh daripada aktiviti kelayakan MSC bagi tempoh lima tahun dan boleh dilanjutkan ke 10 tahun tertakluk kepada syarikat mencetuskan insentif cukai tersebut. Pada tarikh laporan ini, Syarikat belum lagi mencetuskan insentif cukai yang dilayakkkan di bawah status MSC. Tiada peruntukan cukai pendapatan bagi Syarikat pada tahun kewangan semasa kerana Syarikat adalah dalam kedudukan rugi cukai. Peruntukan untuk cukai bagi tahun sebelumnya adalah terutamanya berhubung pendapatan faedah.

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia 26% (2007: 27%) ke atas anggaran keuntungan boleh taksir tahun semasa. Kadar cukai berkanun domestik akan dikurangkan kepada 25% daripada kadar tahun semasa 26%, berkuatkuasa tahun taksiran 2009. Perkiraan cukai tertunda pada 31 Disember 2007 telah menggambarkan perubahan tersebut.

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

8. CUKAI PENDAPATAN (SAMB.)

Penyelarasan antara perbelanjaan cukai pendapatan ke atas kerugian sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun dengan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	2008 RM	2007 RM
Kumpulan		
(Kerugian)/ keuntungan sebelum cukai:		
Operasi berterusan	(36,019,761)	1,775,314
Operasi dihentikan	<u>10,019,535</u>	<u>(12,267,135)</u>
	<u>(26,000,226)</u>	<u>(10,491,821)</u>
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 26% (2007: 27%)	(6,760,059)	(2,832,792)
Pendapatan geran tidak dikenakan cukai	(36,217,151)	(32,847,113)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	16,514,568	34,608,528
Kesan pembukaan cukai tertunda pengurangan dalam kadar cukai pendapatan Malaysia	208,300	-
Penggunaan elaun modal yang tidak diserap sebelum ini	(12,425)	(1,700)
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf pada tahun semasa	35,132,312	4,017,699
Kurangan peruntukan cukai tertunda tahun-tahun lepas	(1,754,203)	57,225
Kurangan/(lebihan) peruntukan perbelanjaan pendapatan cukai tahun-tahun lepas	<u>(471,038)</u>	<u>365,952</u>
Cukai pendapatan tahun semasa	<u>6,640,304</u>	<u>3,367,799</u>
Syarikat		
Kerugian sebelum cukai	(8,212,915)	(4,680,285)
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 26% (2007: 27%)	(2,135,358)	(1,263,677)
Pendapatan geran tidak dikenakan cukai	(36,217,151)	(32,847,113)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	7,942,027	32,962,548
Penggunaan elaun modal yang tidak diserap sebelum ini	(12,425)	-
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf pada tahun semasa	30,422,907	3,879,204
Lebihan peruntukan perbelanjaan cukai pendapatan tahun-tahun lepas	<u>(470,903)</u>	<u>-</u>
Perbelanjaan cukai/(kredit) tahun semasa	<u>(470,903)</u>	<u>2,730,962</u>

9. OPERASI DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASI SEBAGAI UNTUK DIJUAL

(a) Pelupusan subsidiari dalam tahun kewangan

Pada 31 Disember 2008, Syarikat melupuskan kepentingan ekuitinya dalam subsidiari, MIMOS Smart Computing Sdn Bhd, kepada Menteri Kewangan (diperbadankan) pada jumlah pertimbangan RM1, menyebabkan kerugian pelupusan pada peringkat Kumpulan dan Syarikat masing-masing berjumlah RM45,302,681 dan RM9,999,999.

Analisis keputusan penghentian operasi ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan		
	2008	2007	
	RM	RM	
Hasil	184,601,423	15,874,341	
Pendapatan lain	65,008	234,913	
Perbelanjaan	<u>(173,406,557)</u>	<u>(24,709,721)</u>	
Untung/(rugi) sebelum cukai operasi dihentikan	11,259,874	(8,600,467)	
Perbelanjaan cukai pendapatan	<u>(7,083,307)</u>	<u>(607,337)</u>	
Untung/(rugi) bagi tahun operasi dihentikan	<u>4,176,567</u>	<u>(9,207,804)</u>	

Amaun yang berikut telah dimasukkan untuk mengira (rugi) /untung sebelum cukai bagi operasi dihentikan:

	Kumpulan		
	2008	2007	
	RM	RM	
Kos kakitangan	6,016,429	5,328,105	
Ganjaran juruaudit	50,000	40,000	
Elaun pengarah	26,000	28,950	
Susutnilai harta tanah, loji dan kelengkapan	6,821,716	10,542,465	
Pelunasan aset tidak ketara	1,704,007	1,171,844	
Loji dan peralatan dihapus kira	-	3,684,242	
Sewaan premis pejabat	705,000	713,488	
Peruntukan hutang rugu	1,446,988	146,928	
Susutnilai inventori	4,279,979	1,248,427	
Masuk semula peruntukan pengantian kos	-	(850,000)	
Peruntukan (masuk semula) perkhidmatan penyelenggaraan	1,103,203	(1,248,687)	
Masuk semula manfaat kakitangan	(85,049)	-	
Perbelanjaan faedah	2,432,662	-	
Hutang lapuk dihapus kira	125,000	-	
Pendapatan faedah	(33,336)	(160,170)	
Peruntukan (masuk semula) jaminan	<u>11,551</u>	<u>(1,408,875)</u>	

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

9. OPERASI DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASI SEBAGAI UNTUK DIJUAL (SAMB.)

(a) Operasi dihentikan dan pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai untuk dijual dalam tahun

Aliran tunai berhubung operasi dihentikan adalah seperti berikut::

	Kumpulan	
	2008	2007
	RM	RM
Aliran tunai operasi	(19,999,170)	(7,425,794)
Aliran tunai pelaburan	36,070,858	-
Aliran tunai kewangan	(7,185,601)	(13,806,175)
Jumlah aliran kewangan	<u>8,886,087</u>	<u>(21,231,969)</u>

Pelupusan ini telah meninggalkan kesan ke atas kedudukan kewangan Kumpulan pada akhir tahun:

	2008
	RM
Hartanah, loji dan kelengkapan (Nota 10)	13,461,862
Aset tidak ketara (Nota 11)	1,621,725
Inventori	4,898,317
Penghutang perniagaan	65,402,408
Penghutang lain	2,271,909
Tunai dan baki di bank	10,554,723
Pendapatan tertunda	(8,579,771)
Peruntukan untuk liabiliti (Nota 20)	(1,488,357)
Pinjaman jangka pendek	(36,070,858)
Hutang perniagaan	(6,502,469)
Hutang-hutang lain	(3,999,994)
Cukai	(895,221)
Aset bersih dilupuskan	<u>40,674,274</u>
Jumlah hasil pelupusan, dijelaskan dengan tunai	(1)
Kerugian akibat pelupusan ke atas Kumpulan	<u>40,674,273</u>

	2008
	RM
Aliran tunai keluar disebabkan pelupusan:	
Pertimbangan tunai, mewakili aliran tunai masuk Syarikat	1
Tunai dan baki di bank bagi subsidiari yang dilupuskan	(10,554,723)
Aliran tunai keluar bersih Kumpulan	<u>(10,554,722)</u>

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

9.OPERASI DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASI SEBAGAI UNTUK DIJUAL (SAMB.)

- (b) Operasi dihentikan dan pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai untuk dijual dalam tahun

Syarikat sedang dalam proses melupuskan subsidiari milik penuhnya, Encipta Ltd, kepada pihak ketiga. Pelupusan ini dijangka selesai pada Julai atau Ogos 2009.

Pada 31 Disember 2008, aset dan liabiliti Encipta Ltd telah dibentangkan dalam lembaran imbangan yang disatukan sebagai kumpulan pelupusan untuk dijual dan hasil daripada subsidiari ini dibentangkan berasingan dalam penyata pendapatan yang disatukan sebagai operasi dihentikan. Amaun yang dibawa pelaburan dalam subsidiari ini juga telah dibentangkan sebagai aset bukan semasa untuk dijual dalam lembaran imbangan Syarikat setakat 31 Disember 2008.

Analisis keputusan penghentian operasi ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2008	2007
	RM	RM
Hasil	2,207,905	1,151,168
Perbelanjaan	(3,448,244)	(4,817,836)
Kerugian sebelum cukai operasi dihentikan	<u>(1,240,339)</u>	<u>(3,666,668)</u>
Perbelanjaan cukai pendapatan	-	-
Kerugian pada tahun operasi dihentikan	<u>(1,240,339)</u>	<u>(3,666,668)</u>

Amaun yang berikut telah dimasukkan untuk mengira kerugian sebelum cukai bagi operasi dihentikan:

	Kumpulan	
	2008	2007
	RM	RM
Ganjaran juruaudit	31,982	27,090
Elaun pengarah	6,237	7,027
Peruntukan hutang ragu	245,284	-
Kerugian rosotnilai pelaburan	538,655	2,816,512
Kerugian tukaran mata wang asing tidak direalisasi	<u>861,240</u>	-

MIMOS Berhad

(Diperbadankan di Malaysia)

9. OPERASI DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASI SEBAGAI UNTUK DIJUAL (SAMB.)

- (b) Operasi dihentikan dan pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai untuk dijual dalam tahun (samb.)

Kategori utama aset dan liabiliti Encipta Ltd yang diklasifikasikan sebagai untuk dijual dalam lembaran imbangan yang disatukan pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

	Amaun dibawa Kumpulan pada 31.12.2008 RM
Aset	
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	12,470
Pelaburan lain	7,511,137
Tunai dan baki di bank	<u>16,504,882</u>
Aset kumpulan dilupuskan yang diklasifikasikan sebagai untuk dijual	<u>24,028,489</u>
Liabiliti	
Hutang-hutang lain	<u>268,393</u>

Aset bukan semasa yang diklasifikasikan sebagai untuk dijual dalam lembaran imbangan Syarikat pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

	Amaun dibawa Kumpulan pada 31.12.2008 RM
Aset	
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	<u>23,858,277</u>

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

Termasuk dalam harta, loji dan kelengkapan ialah perkakasan komputer Kumpulan dengan nilai buku bersih agregat RM0.00 (2007: RM15,252,818), yang disewabelikan kepada pihak luar.

11. ASET TIDAK KETARA

	Harta intelek RM	Perisian komputer RM	Jumlah RM
Kumpulan			
Kos			
Pada 1 Januari	22,264,850	34,849,390	57,114,240
Tambahan	-	17,339,300	17,339,300
Pelupusan	-	(660,601)	(660,601)
Pada 31 Dis 2007 dan 1 Jan 2008	<hr/>	51,528,089	73,792,939
Tambahan	-	20,999,435	20,999,435
Pindahan daripada harta, loji dan peralatan	22,264,850	1,786,098	1,786,098
Pelupusan	(1,548,821)	(1,548,821)	(1,548,821)
Pelupusan subsidiari [Nota 9 (a)]	(12,706,468)	(12,706,468)	(12,706,468)
Pada 31 Disember 2008	<hr/>	22,264,850	60,058,333
		<hr/>	<hr/>
Kerugian pelunasan dan rosot nilai terkumpul			
Pada 1 Januari	21,881,050	15,638,410	37,519,460
Pelunasan	-	7,051,330	7,051,330
Rosot nilai	-	11,021,373	11,021,373
Pelupusan	-	(164,651)	(164,651)
Pada 31 Disember dan 1 Jan 2008	<hr/>	21,881,050	33,546,462
Pelunasan	-	6,992,379	6,992,379
Rosot nilai	-	(1,381,340)	(1,381,340)
Pindahan daripada harta, loji dan peralatan	-	1,130,441	1,130,441
Pelupusan subsidiari [Nota 9 (a)]	-	(11,084,743)	(11,084,743)
Pada 31 Disember 2008	<hr/>	21,881,050	29,203,199
		<hr/>	<hr/>
Amaun dibawa bersih			
Pada 31 Disember 2008	383,800	30,855,134	31,238,934
Pada 31 Disember 2007	<hr/>	383,800	17,981,627
		<hr/>	<hr/>

Pada 31 Dis 2008, termasuk di dalam kategori aset tidak ketara adalah perisian komputer Kumpulan dengan agregat nilai buku bersih RM0.00 (2007: RM3,035,657), yang disewakan kepada pihak luar.

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Perabot dan kelengkapan	Kenderaan bermotor	Peralatan pejabat	Perkakasan komputer
	RM	RM	RM	RM
Pada 31 Disember				
2008				
Kos				
Pada 1 Januari	6,316,443	648,848	5,912,083	94,150,974
Tambahan 1,313,503	-	2,749,357	9,541,920	29,384,213
Pelupusan (3,541,849)	-	(325,285)	(4,112,654)	(475,250)
Klasifikasi semula	-	-	182,278	-
Pindahan ke aset				
tidak ketara	-	-	-	-
Pelupusan subsidiari				
(Nota 9(a))	(467,155)	(137,600)	(1,306,616)	(54,316,006)
Pada 31 Disember	3,620,942	511,248	7,211,817	45,264,234

MIMOS Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Peralatan makmal dan bengkel RM	Landskap dan pengubahsuaian RM	Bangunan RM	Modal kerja dalam pelaksanaan RM	Jumlah RM
